


"DARI Abi Ayub Al-Ansari Radiallahuanha, ia menceritakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah berpuasa sepanjang masa".

(Hadis riwayat Imam Muslim)



Berita Utama

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan (tengah), dan Perdana Menteri Republik Islam Pakistan (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang

Terutama Asif Ali Zardari, Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Shehbaz Sharif dan kerajaan serta rakyat Republik Islam Pakistan sempena Hari Pakistan.



MULUT sihat pemangkin hidup ceria

Muka 8



AKTIVITI kebajikan bantu golongan memerlukan

Muka 12

Kongsi kegembiraan Aidilfitri bersama pembesar negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah Hari Raya Aidilfitri para pembesar negara, para diplomat serta perwakilan asing di negara ini, Setiausaha-setiausaha Tetap dan para pegawai kanan kerajaan bersama isteri masing-masing di Istana Nurul Iman. Foto : Mohammad Hasif Matzin. *Lihat muka 3.*



SOLAT Sunat Hari Raya mengeratkan ukhuwah, perpaduan umat

Muka 19



RENCANA

USIA muda bukan penghalang merealisasikan visi

Muka 21

Negara diseru amalkan nilai simpati dan perpaduan sempena Aidilfitri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
 Bismillahir Rahmanir Rahim,
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
 Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
 Umuuriddunya Waddeen, Wassalaamu
 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
 Muhammadin, Wa'ala Aalihee
 Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.
 Allahuakbar, Allahuakbar,
 Allahuakbar, Walillahil Hamd.

KITA sangat teruja, kerana dapat lagi menyambut Hari Raya Fitrah dalam suasana aman dan sejahtera. 'Idil Fitri adalah kurnia Allah kepada para hamba-Nya yang taat setia menjunjung titah perintah melaksanakan ibadat puasa. Selaku ianya kurnia, adalah wajib bagi kita untuk menjawatnya dengan rasa penuh bersyukur.

Bagaimanakah cara kita bersyukur itu? Caranya, mula-mula kita disunatkan bertakbir dan bertahmid membesarkan Allah selaku pengurnia nikmat dan kemudiam berikutnya dituntut pula kita ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.

Hari Raya dikenali sebagai Hari Keriaan atau kegembiraan. Namun bagi kita orang Islam, keriaan atau kegembiraan itu memerlukan kawalan. Di antara langkah mengawal itu ialah supaya setiap kita tidak sampai terlajak mengikutkan hati dan emosi semata-mata sehingga boleh melupakan kewajipan asasi seperti

sembahyang.

Di samping itu etika berhari raya juga menghendaki kita supaya mengambil tahu keadaan saudara-saudara kita seugama contohnya kita dituntut menunaikan zakat fitrah bagi menolong meringankan bebanan hidup para fakir dan miskin.

Lebih jauh lagi dari itu kita juga turut diminta untuk melihat dengan mata dan hati simpati terhadap saudara-saudara seugama kita, sekalipun mereka itu berjauhan tempat.

Pada masa ini ada golongan yang lapar tanpa makanan, ada juga yang ditimpa musibah sampai kehilangan rumah kediaman, kehilangan harta benda dan paling malang lagi menjadi mangsa peperangan.

Semua ini perlu kita lihat dengan mata dan jiwa simpati. Sekiranya kita tidak berupaya untuk membantu mereka dengan mata benda, maka dengan 'doa' adalah tetap dituntut. Mengapa?

Kerana persaudaraan seugama itu adalah persaudaraan yang suci sehingga Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri melalui riwayat Muslim telah bersabda maksudnya : "Perumpamaan orang-orang beriman dalam pekara saling mencintai adalah seperti satu tubuh, apabila salah satu anggota sakit, maka seluruh tubuh itu akan turut sakit, tidak dapat tidur dan demam".

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.

Demikian itulah hakikat dan harga persaudaraan seugama yang dibina atas dasar iman yang menjadikannya tetap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada Jumaat, 20 Mac 2026.

kukuh tidak mudah digugat. Beta berharap Brunei mampu untuk jadi pengamal dasar ini dengan terus menggalakkan perpaduan melalui amalan saling simpati dan membantu sekurang-kurangnya membantu dengan doa.

Baru-baru ini sebagai tanda simpati kepada saudara-saudara seugama yang ditimpa musibah, maka beta telah menitahkan pihak berkenaan untuk menambah Doa Hajat yang lazim kita baca pada masa ini dengan sedikit tambahan













doa baharu.

Akhirnya beta dan seluruh ahli kerabat beta dengan sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Al-Mubarak kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana sahaja mereka berada. Semoga dengan izin Allah jua kita semua dapat menjalani sambutan ini dalam keadaan sihat dan sejahtera. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	ISNIN	3	4.56	5.06	6.23	6.46	12.28	3.34	6.31	7.40
24	SELASA	4	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.33	6.30	7.39
25	RABU	5	4.55	5.05	6.22	6.45	12.27	3.32	6.30	7.39
26	KHAMIS	6	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.32	6.30	7.39
27	JUMAAT	7	4.54	5.04	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39
28	SABTU	8	4.54	5.04	6.21	6.43	12.27	3.30	6.30	7.39
29	AHAD	9	4.54	5.04	6.21	6.43	12.26	3.29	6.30	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI					
ISNIN		SELASA		RABU	
Bandar Seri Begawan					
32 26 °C		31 25 °C		31 24 °C	
Pekan Bangar					
32 26 °C		31 25 °C		31 24 °C	
Pekan Tutong					
32 26 °C		31 25 °C		31 24 °C	
Kuala Belait					
32 26 °C		31 25 °C		31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
 www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 23 MAC 2026

Raih kelebihan puasa enam

RAMADAN sudah berlalu dan kini tiba Syawal, bulan yang dinanti-nanti oleh seluruh umat Islam. Perginya bulan Ramadan tidak bermakna berakhir sudah ibadah yang dikejar pada bulan mulia itu, tetapi kesinambungannya berterusan pula pada bulan Syawal. Puasa enam atau puasa sunat selepas Ramadan adalah puasa yang disambut selama enam hari pada bulan Syawal. Kita boleh mula berpuasa bermula pada 2 Syawal atau Hari Raya kedua. Haram bagi kita berpuasa pada 1 Syawal atau Hari Raya pertama.

Puasa enam hari di bulan Syawal adalah satu amalan sunat yang dianjurkan oleh Islam. Puasa ini bukanlah suatu perkara yang dihukumkan wajib dan Islam menggalakkan umatnya untuk menunaikan puasa enam hari di bulan Syawal kerana barang siapa yang mengerjakannya sudah pasti akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda. Al-Imam Muslim telah meriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Abu Ayyub Al-Anshari Radhiallahuanhu bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud: "Barang siapa berpuasa penuh di bulan Ramadan lalu menyambungnyanya dengan puasa enam hari di bulan Syawal, maka pahalanya seperti ia berpuasa selama setahun".

Antara hikmah dan manfaat puasa enam hari di bulan Syawal ialah sebagai pelengkap dan penyempurna pahala dari puasa setahun penuh, setelah menunaikan puasa Ramadan. Untuk menutupi kekurangan puasa wajib pada bulan Ramadan, sebab puasa yang kita lakukan pada bulan Ramadan pasti tidak terlepas dari kekurangan atau dosa yang dapat mengurangi keutamaannya. Pada hari kiamat kelak akan diambil pahala puasa sunat tersebut untuk menutup kekurangan puasa wajib. Amalan baik yang dilakukan secara berterusan lebih dicintai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru puasa enam di bulan Syawal membantu kita untuk terus beristiqamah dalam melakukan ibadah selepas Ramadan, supaya momentum ketaatan tidak terhenti begitu sahaja.

Dari sudut kesihatan, puasa enam hari ini memberi masa kepada tubuh untuk menyesuaikan diri secara perlahan-lahan selepas sebulan berpuasa. Ia juga membantu dalam mengekalkan berat badan dan meningkatkan metabolisme tubuh. Meskipun banyak jempunan rumah terbuka pada Hari Raya tetapi dengan berpuasa enam sedikit sebanyak akan dapat membantu sistem pencernaan berehat dan mengawal pola makan selepas musim perayaan.

Tidak dinafikan menjadi cabaran kepada umat Islam untuk menunaikan puasa enam ini kerana bukan mudah berpuasa dalam keadaan orang lain bebas makan minum hidangan yang enak lebih-lebih lagi ketika ramai yang mengadakan rumah terbuka tetapi inilah nikmat puasa enam yang juga membawa pelbagai keberkatan.

Oleh itu, marilah sama-sama manfaatkan peluang yang ada untuk melaksanakan amalan berpuasa enam pada bulan Syawal. Amalan ini tidak hanya membawa keberkatan dan kebaikan dalam hidup kita, tetapi juga mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan hantar titah perutusan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri Kerajaan Thailand.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri Kerajaan Thailand.

KONGSI KEGEMBIRAAN AIDILFITRI BERSAMA PEMBESAR NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah Hari Raya Aidilfitri para pembesar negara, para diplomat serta perwakilan asing di negara ini, Setiausaha-setiausaha Tetap dan para pegawai kanan kerajaan bersama isteri masing-masing di Istana Nurul Iman (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Mac. - Setiap tanggal 1 Syawal Tahun Hijrah, seluruh masyarakat Islam di dunia akan menyambut Hari Raya Aidilfitri berjaya

menyempurnakan kewajipan menunaikan ibadah puasa pada bulan Ramadan. Sudah menjadi kelaziman apabila menjelang Hari Raya Aidilfitri

kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi bagi mengukuhkan silaturahmi baik dalam kalangan rakyat dan penduduk mahupun para pembesar negara dan raja yang dikasihi telah menjadi tradisi di negara ini.

Sehubungan itu, kegembiraan dan kesyukuran Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi telah dikongsi sama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad



Alam iaitu dengan berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah Hari Raya Aidilfitri para pembesar negara yang terdiri daripada Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, para diplomat serta perwakilan asing di negara ini, Setiausaha-setiausaha Tetap dan para pegawai kanan kerajaan bersama isteri masing-masing di Istana Nurul Iman, hari ini.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 4





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas kiri), manakala gambar atas kanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berinteraksi dengan para tetamu baginda.

>> Muka 3

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta cucunda-cucunda baginda dan kerabat diraja.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka


Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima sembah ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan beramah mesra dengan para tetamu baginda.

Setentunya, peluang bersua muka dan merafakkan sembah Selamat Hari Raya Kehadapan Majlis baginda sekeluarga dalam kalangan para diplomat juga perwakilan asing ke negara ini pastinya akan memberikan kenangan dan pengalaman yang manis buat mereka, bahkan merupakan satu pengalaman yang jarang ditemui di negara-negara lain.

Pada majlis berkenaan, para tetamu turut dihidangkan dengan pelbagai juadah yang enak memeriahkan lagi suasana Sambutan Aidilfitri kali ini selain keindahan lampu-lampu neon dan dekorasi menarik yang menyerikan lagi ruang Istana Nurul Iman.

Pertemuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan para pembesar negara dengan perwakilan negara sahabat mencerminkan ketulusan baginda menjadikan Sambutan Hari Raya ini sebagai titian untuk mewujudkan rasa muhibah.

>> Muka 5



BERANGKAT sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah (atas kiri dan atas kanan).



BERANGKAT sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam (atas kiri sekali, atas kanan sekali, atas, atas kanan, kanan).





KEBAWAH DYMM berkenan berinteraksi dengan para tetamu baginda (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 4

Dalam masa yang sama, para pembesar negara dan perwakilan negara-negara sahabat juga berpeluang untuk beramah mesra dengan rakan sejawat yang berada pada majlis berkenaan.

Peluang berkunjung ke Istana Nurul Iman mengadap dan

menjunjung ziarah Kehadapan Majlis baginda dan kerabat diraja melalui hari kemenangan ini juga merupakan satu kesempatan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh para pembesar negara lebih-lebih lagi para diplomat asing di negara ini yang pertama kali berpeluang merayakan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman dan berinteraksi bersama raja

yang dikasihi dan dihormati serta bersua secara dekat bersama baginda.

Sememangnya kunjungan ini akan menjadi ingatan manis dan lipatan sejarah sepanjang mereka berkhidmat di negara

ini. Dengan adanya 'Istana Terbuka' bagi pembesar-pembesar negara dan perwakilan negara-negara sahabat jelas menunjukkan keikhlasan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkongsi rasa syukur dan gembira bersama para tetamu selain sebagai pemimpin yang berjiwa rakyat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas) manakala gambar atas kiri sekali dan kiri sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan.

SEKITAR Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah Hari Raya Aidilfitri daripada para pembesar negara serta diplomat dari negara-negara sahabat yang berlangsung di Istana Nurul Iman (kiri, bawah kiri, bawah tengah dan bawah kanan).



BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
 Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat bersama paduka-paduka adinda bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas kiri dan atas kanan).

KIARONG, Sabtu, 21 Mac. - 1 Syawal bermula hari ini dan umat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) pastinya merayakan hari kemenangan ini dan menyambutnya dengan gembira dan penuh bersyukur namun tetap sahaja bersederhana dengan tidak melangkaui batas-batas seperti yang disyariatkan oleh agama kita.

Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong sudah lazimnya antara masjid tumpuan di negara ini bagi umat Islam menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri dan keterujaan jemaah di sini jelas terpancar di wajah mereka dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat bersama-sama mengimarahkan lagi Aidilfitri pada tahun ini.

Berangkat sama, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar dan Menteri

Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Tepat pukul 7.30 pagi, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Setelah itu, Khutbah Hari Raya Aidilfitri disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin yang antara lain menerangkan, di hari yang mulia ini, umat Islam di seluruh dunia tanpa mengira darjat, pangkat dan bangsa bersatu dalam lafaz takbir, tahmid dan tasbih sebagai tanda mengagungkan kebesaran Allah serta lambang kejayaan mengawal hawa nafsu di

sepanjang bulan Ramadan.

Setelah sebulan kita bersungguh - sungguh menunaikan ibadat puasa, menahan lapar dan dahaga serta bermujahadah melawan hawa nafsu, kini Allah mengurniakan kepada kita Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda kemenangan.

Kemenangan ini jelas beliau, bukan terletak pada keseronokan dan keindahan yang bersifat zahir semata-mata tetapi pada kejayaan dalam kita menundukkan hawa nafsu dan memperbaiki diri di sepanjang bulan Ramadan.

>> Muka 7



JEMAAH yang hadir sama bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas, kanan dan atas kanan).



Berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan paduka-paduka adinda menadah tangan ketika doa dibacakan.

>> Muka 6

Aidilfitri yang kita sambut bukan sekadar hari untuk kita bergembira tetapi merupakan tanda kembalinya kita kepada fitrah yang suci dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi mereka yang benar-benar menjadikan Ramadan sebagai medan didikan rohani, sudah pasti akan terasa perubahan dalam diri iaitu daripada hati yang alpa kepada jiwa yang sedar serta insaf akan tanggungjawab selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala dan daripada keimanan yang goyah kepada keimanan yang lebih teguh serta berterusan, ujamnya.

Perubahan ini lahir daripada kesungguhan melawan hawa nafsu sehingga sifat-sifat buruk dalam hati berjaya disingkirkan dan digantikan dengan akhlak yang mulia serta jiwa yang lebih bersih.

"Dalam suasana ziarah-menziarahi di Aidilfitri ini, antara perkara paling utama yang wajar kita dahulukan ialah amalan bermaaf-maafan. Ungkapan 'Mohon Maaf Zahir dan Batin' sering kita lafazkan apabila melangkah masuk ke rumah saudara-mara dan sahabat handai.

"Ia bukan sekadar ucapan di bibir sahaja tetapi luahan hati yang ikhlas, mengharapakan keampunan dan keredaan sesama kita. Betapa indahnya ajaran agama Islam yang membuka ruang untuk kita membersihkan hati, meleraikan perselisihan dan menyuburkan kembali kasih sayang melalui budaya saling memaafkan," tegasnya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ungkapannya, telah menjelaskan bahawa sifat pemaaf merupakan antara tanda keimanan yang paling utama dan mulia, ia melambangkan kebersihan hati serta ketinggian akhlak seorang Muslim dan sesungguhnya memaafkan bukanlah tanda kelemahan, sebaliknya bukti kekuatan jiwa dan keikhlasan bagi mereka yang benar-benar menghayati ajaran Islam.

Bersempena Aidilfitri yang indah dan penuh kemuliaan ini, Khutbah Pertama seterusnya menyeru kita untuk membuka lembaran baharu dengan saling memohon dan memberi kemaafan, dan memujuk hati agar melupakan dan menghapuskan segala kemarahan serta dendam yang tersimpan selama ini.

Mudah-mudahan dengan jiwa yang lapang dan sikap pemaaf,

kita dikurniakan keampunan Allah, dipermudahkan segala urusan serta dianugerahkan kehidupan yang harmoni, bersatu padu dan penuh kasih sayang.

Sementara inti pati Khutbah Kedua pula menjelaskan, di hari yang penuh kebahagiaan ini, marilah kita melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah atas nikmat iman dan Islam yang tidak ternilai harganya. Sesungguhnya hanya mereka yang benar-benar beriman dan bertakwa sahaja mampu menyempurnakan ibadah puasa dengan penuh keikhlasan dan kesabaran.

Hari ini merupakan hari kemenangan buat kita semua iaitu kemenangan dalam jihad melawan hawa nafsu sepanjang berpuasa di bulan Ramadan, namun, kemenangan ini tidak seharusnya terhenti dengan berlalunya Ramadan.

Oleh itu, teruskanlah amalan berpuasa di bulan Syawal dengan melaksanakan puasa enam, di mana pahalanya menyamai puasa sepanjang tahun, iaitu sebagai tanda istiqamah dan kesinambungan ketaatan kita kepada Allah.

Perlu diketahui, bahawa Puasa Enam di bulan Syawal boleh dilakukan sama ada secara berturut-turut atau secara berselang hari, mengikut

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri
Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

kemampuan dan kesesuaian masing-masing, tanpa menjejaskan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Walau bagaimanapun, dalam kegembiraan kita menyambut Aidilfitri, antara aspek penting yang tidak wajar kita abaikan adalah menyambutnya mengikut ajaran Islam dan dengan penuh kesederhanaan.

Walaupun kita disunatkan untuk berhias dan bergembira pada Hari Raya, namun ia tidak bermakna kita dibenarkan berbelanja secara berlebihan sehingga melampaui batas, membebankan diri dan terjerumus ke dalam hutang.

"Ingatlah, bahawa kehidupan yang sederhana itu lebih indah dan membawa ketenangan. Oleh itu, janganlah kita terlalu menuruti kehendak hawa nafsu sehingga menyusahkan diri sendiri dan terjerumus ke dalam pembaziran yang dilarang dalam agama Islam.

"Sesungguhnya agama Islam mengajar umatnya agar sentiasa bersikap sederhana dalam setiap urusan kehidupan serta dengan tegas melarang perbuatan membazir yang hanya menurut kehendak hawa nafsu," tegasnya lagi.

Katanya, di saat kita bergembira menyambut Aidilfitri dalam suasana menikmati keamanan dan kesejahteraan, kita juga tidak lupa saudara-saudara seagama kita di luar sana yang menyambut Syawal dalam suasana derita, dizalimi dan berendam air mata, kesan daripada pencerobohan, peperangan dan bencana.

Ada yang kehilangan ibu bapa, anak dan ahli keluarga, kehilangan tempat tinggal, hidup dalam kesempitan, kelaparan dan penderitaan. Tambahnya, kita telah menyaksikan pelbagai pergolakan, pertumpahan darah dan peperangan yang melibatkan negara-negara Islam, malah ada juga campur tangan pihak luar yang menambahkan lagi

penderitaan umat.

Dengan ketidaktentuan ini, dan sebagai tanda kasih sayang sesama Islam, ujamnya, maka kita panjatkan doa kepada Allah, kerana doa adalah senjata orang mukmin, tempat bergantung yang luhur dan tanda bahawa kita mempunyai hubungan hati dengan saudara-saudara kita.

Mudah-mudahan dengan doa, Allah mengurniakan keamanan, memelihara umat Islam, menyatukan hati-hati mereka dan menjauhkan mereka daripada perpecahan serta permusuhan dan dikurniakan kepada mereka pertolongan terhadap musuh-musuh Allah dan musuh-musuh mereka.

Akhirnya, marilah kita raikan Aidilfitri dengan penuh adab, kesederhanaan dan keikhlasan agar kegembiraan yang kita rasakan mendapat berkat dan keredaan Allah.

Kita berdoa semoga kita semua tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang kembali kepada fitrah, berakhlak mulia serta hidup dalam kasih sayang dan keharmonian, diterima amalan kita, diampunkan segala dosa kita, diteguhkan hati kita di atas jalan hidayah, dipelihara raja, negara dan keluarga kita serta dikurniakan pertolongan kepada umat Islam di mana sahaja mereka berada.

Sebelum berangkat balik, Duli Yang Teramat Mulia berserta kerabat diraja menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir yang terdiri daripada penduduk dan rakyat di negara ini tanda keakraban dan lambang perpaduan yang sudah lama dipraktikkan tanpa mengira bangsa atau negara.

Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin buat semua umat Islam di negara ini dan juga di mana sahaja berada. Dan dalam kesibukan meraikan lebaran, sama-sama beringat agar memastikan keselamatan adalah menjadi satu keutamaan baik untuk diri, keluarga dan di sekeliling.



SUASANA Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas dan kanan).



MULUT SIHAT PEMANGKIN HIDUP CERIA

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Mac. - Hari Kesihatan Mulut Sedunia diraikan pada setiap 20 Mac sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan mulut.

Tahun ini merupakan tahun terakhir dalam kempen selama tiga tahun yang dilancarkan oleh FDI World Dental Federation untuk Hari Kesihatan Mulut Sedunia dengan tema utama, 'Mulut Sihat Adalah... (A Happy Mouth Is...)' dan tahun ini bertepatan 'Mulut Sihat Adalah...Hidup Ceria (A Happy Mouth Is... A Happy Life)'.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Mulut Sedunia 2026 pada 20 Mac 2026.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, tema ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan mulut pada setiap peringkat umur - dari lahir sehingga usia lanjut.

Mulut, tambah Yang Berhormat, memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Mulut yang sihat bukan sahaja menyokong kesihatan seluruh badan, malah membolehkan kita menikmati kehidupan dengan lebih ceria - sama ada ketika makan, berbual bersama rakan, atau ketawa bersama insan tersayang.

"Masalah kesihatan mulut bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal, malah boleh memberi kesan yang signifikan terhadap kesejahteraan seseorang, antaranya Gigi berlubang, Nafas berbau atau Kehilangan gigi boleh menyebabkan seseorang berasa rendah diri dan malu untuk berinteraksi dengan orang lain. Sakit gigi boleh mengakibatkan gangguan tidur yang serius, perubahan emosi, kesukaran menumpukan perhatian, stres yang berpanjangan sekali gus meningkatkan risiko kemurungan.

"Masalah kesihatan mulut juga boleh mengakibatkan ketidakhadiran ke tempat kerja dan sekolah, serta menjejaskan produktiviti dan prestasi akademik. Individu yang mengalami masalah kesihatan mulut sering menghadapi kesukaran untuk mengunyah makanan dengan baik. Keadaan ini boleh menyebabkan mereka mengelakkan makanan tertentu, hilang selera makan atau mengalami gangguan pemakanan,

dan kekurangan nutrisi. Kajian menunjukkan bahawa penyakit mulut boleh mengakibatkan masalah kesihatan sistemik yang serius, termasuk penyakit jantung, diabetes dan jangkitan pernafasan," kongsi Yang Berhormat.

Di Negara Brunei Darussalam, ujar Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan pergigian sepenuh masa di Pusat Pergigian Negara, pusat-pusat kesihatan, hospital kerajaan dan juga di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak.

Kongsi Yang Berhormat lagi, perkhidmatan yang disediakan termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut asasi dan perkhidmatan kepakaran pergigian.

Menurut statistik Jabatan Perkhidmatan Pergigian tambah Yang Berhormat, seramai 154,382 pesakit telah mendapatkan rawatan di klinik-klinik pergigian kerajaan sepanjang tahun 2025. Pada masa ini, orang ramai boleh membuat tempahan perjanjian melalui aplikasi BruHealth bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut asasi dan digalakkan untuk hadir mengikut waktu yang telah ditetapkan. Sekitar 90 hingga 95 peratus tempahan perjanjian dibuat melalui aplikasi BruHealth.

"Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Pergigian juga giat melaksanakan pelbagai program bagi mempromosikan kesihatan mulut kepada semua lapisan masyarakat. Antaranya ialah Program Senyum SiManja dilaksanakan di 16 buah pusat kesihatan dan hospital di seluruh negara untuk kanak-kanak berumur 1 hingga 4 tahun. Program ini memberi pendidikan awal kepada ibu bapa / penjaga mengenai penjagaan gigi serta rawatan pencegahan seperti sapuan varnis fluorida. Program Senyum Pelajar dilaksanakan di sekolah tadika, rendah dan menengah melalui taklimat interaktif kesihatan mulut serta rawatan pencegahan seperti sapuan varnis fluorida bagi membentuk amalan penjagaan gigi yang baik sejak usia muda.

"Sementara itu, Program Senyum Komuniti menyasarkan kumpulan komuniti tertentu seperti pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan Persatuan Kegiatan Warga Emas (PKWE) bagi meningkatkan kesedaran serta penjagaan kesihatan mulut dan

Program Senyum Kasih adalah khusus untuk para pesakit berkeperluan khas di kediaman masing-masing, Pusat Al-Islah dan Kompleks Rumah Kebajikan bagi memastikan mereka turut mendapat akses kepada perkhidmatan pergigian," terang Yang Berhormat.

Ujar Yang Berhormat lagi, Kementerian Kesihatan turut menyediakan 'Perkhidmatan Pergigian Sekolah' untuk murid-murid di 46 buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah bagi memastikan pelajar mempunyai kesihatan mulut yang baik sebelum menamatkan persekolahan. Program ini merangkumi latihan memberus gigi di semua sekolah rendah di seluruh negara bagi menggalakkan amalan penjagaan gigi yang betul.

Sokongan dan kerjasama pihak sekolah tambah Yang Berhormat sangat diharapkan bagi memastikan pelajar membiasakan diri memberus gigi selepas waktu makan di sekolah. Berdasarkan data Perkhidmatan Pergigian Sekolah bagi tahun 2025, kadar kerosakan gigi di kalangan kanak-kanak berusia 5 tahun adalah 59 peratus, manakala kanak-kanak berusia 12 tahun adalah 36 peratus.

Oleh yang demikian, terang Yang Berhormat, pihak Jabatan Perkhidmatan Pergigian sedang giat melaksanakan beberapa usaha bagi mengurangkan kadar kerosakan gigi melalui inisiatif 'Bekerjasama dengan Perkhidmatan Kejururawatan Kesihatan Masyarakat' untuk menyediakan pendidikan kesihatan mulut kepada ibu mengandung; mempertingkatkan 'Program Senyum SiManja' untuk meningkatkan akses kepada kanak-kanak kecil dan 'Mempertingkatkan Perkhidmatan Pergigian Sekolah' untuk meningkatkan akses kepada pelajar sekolah rendah dan menengah.

Menurut Yang Berhormat lagi, Jabatan Perkhidmatan Pergigian juga telah menghasilkan Pelan Hala Tuju Kebangsaan Kesihatan Mulut 2024-2025 (National Roadmap on Oral Health 2024-2025) selaras dengan Global Oral Health Action Plan 2023-2030 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO).

Melalui pelan strategik ini, tambah Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pergigian akan Meningkatkan tadbir urus kesihatan



PROGRAM Senyum SiManja giat dilaksanakan di 16 buah pusat kesihatan dan hospital di seluruh negara untuk kanak-kanak berumur 1 hingga 4 tahun.

mulut; Menguatkan usaha dalam promosi kesihatan dan pencegahan penyakit mulut; Membangunkan tenaga kerja pergigian; Memperkukuh perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut untuk masyarakat; Memperkukuh sistem maklumat pergigian dan Mengutamakan agenda penyelidikan kesihatan mulut.

Kongsi Yang Berhormat, pada masa ini, Jabatan Perkhidmatan Pergigian juga sedang giat menghasilkan Pelan Hala Tuju Kebangsaan Kesihatan Mulut 2026-2027 dan seterusnya merancang untuk melaksanakan Kaji Selidik Kesihatan Mulut Kebangsaan 2027-2028 bagi mendapatkan maklumat kesihatan mulut kanak-kanak dan orang dewasa yang lebih tepat dan terkini.

"Sempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia ini, orang ramai digalakkan untuk terus mengamalkan penjagaan kebersihan mulut setiap hari. Antara langkah mudah yang boleh diamalkan ialah memberus gigi dua kali sehari dengan ubat gigi yang berfluorida dan menggunakan flos sebelum tidur. Elakkan berkumur selepas memberus gigi bagi memastikan fluorida terus melindungi gigi; Mengurangkan pengambilan makanan dan minuman manis serta berasid, dan mengambil makanan yang kaya dengan kalsium dan vitamin D; Membuat pemeriksaan

gigi secara berkala atau rutin bagi membantu mengesan dan merawat masalah gigi sebelum ia menjadi lebih serius.

"Sementara itu, Berhenti merokok kerana ia menjejaskan kesihatan gigi, gusi dan juga kesihatan tubuh badan; Elakkan mendapatkan rawatan daripada individu-individu yang tidak bertauliah yang kini berleluasa di negara ini seperti pendakap gigi tiruan (*fake braces*), venir tiruan (*fake veneers*) dan pemutihan gigi (*teeth whitening*) dan Mengamalkan gaya hidup sihat serta pengurusan stres yang baik seperti meditasi, senaman, dan tidur yang mencukupi," ujar Yang Berhormat.

Orang ramai bolehlah mengikuti akaun rasmi @dentalbrunei di platform media sosial Instagram dan TikTok untuk mendapatkan panduan penjagaan pergigian serta pelbagai maklumat promosi kesihatan mulut.

Yang Berhormat menegaskan, Kementerian Kesihatan akan terus komited dalam meningkatkan kesihatan mulut melalui penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut yang berkesan, saksama, berpatutan, boleh diakses, selamat dan mampan kepada seluruh masyarakat. Marilah kita bersama-sama menghayati tema 'Mulut Sihat Adalah...Hidup Ceria' dan mengambil langkah proaktif ke arah penjagaan kesihatan mulut yang lebih baik.



PROGRAM Senyum Pelajar dilaksanakan di sekolah tadika, rendah dan menengah melalui taklimat interaktif kesihatan mulut serta rawatan pencegahan seperti sapuan varnis fluorida bagi membentuk amalan penjagaan gigi yang baik sejak usia muda.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Peranan Individu Dalam Mengurangkan Pemanasan Global'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2026
2. 'Menyantuni Anak Yatim : Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 1 April 2026
3. 'Cabaran Belia Dalam Mendapatkan Pekerjaan Berkualiti'. Tarikh Tutup : 8 April 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

RAIKAN SYAWAL DENGAN PENUH KESYUKURAN, DOA

YANG MULIA Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

oleh Pelita Brunei melahirkan penuh rasa syukur dan ikhlas dengan merafakkan sembah setinggi-tinggi ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Mac.

- Merupakan suatu kelaziman pada setiap kali menjelang Hari Raya Aidilfitri, Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah bersama para pembedar negara serta diplomat dari negara-negara sahabat diadakan sebagai tradisi yang memupuk dan mengukuhkan lagi jalinan silaturahmi dengan baginda raja yang dikasihi.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman bukan sahaja mencerminkan kemuliaan penghormatan yang dipersembahkan, bahkan turut menghadirkan pengalaman yang penuh kegembiraan dan sentiasa dinanti-nantikan oleh para pembedar negara serta ketua-ketua perwakilan asing.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan semasa ditemu bual



Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta seluruh kerabat diraja bersempena dengan Syawal 1447 Hijrah.

Menurut Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama lagi, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amatlah berharga dan menjadi panduan buat kita semua.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan turut merasa terkesan dengan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai.

saudara-saudara seagama di luar negara yang sedang dizalimi dan berada dalam keadaan yang menyayat hati - kehilangan keluarga, anak, ibu bapa, bahkan harta benda.

"Kita selaku umat Islam, perlulah prihatin. Walaupun usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan telah membantu, namun kesengsaraan tetap berlaku akibat peperangan, bencana alam, dan yang paling menyedihkan adalah apa yang berlaku di Palestin," ujar Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menambah bahawa keadaan terkini amat membimbangkan, sehingga turut menjejaskan hubungan sesama negara Islam.

"Jadi apa yang mampu kita lakukan sekarang adalah doa. Doa adalah senjata orang Islam dan orang-orang yang dizalimi. Mudah-mudahan dengan doa yang dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, negara-negara Islam akan bersatu padu, seiring dan bersama-sama dalam kehidupan beragama," tegas Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Menurut Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama lagi, di Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah, sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda telah memperkenankan supaya Doa

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad

Hajat ditambah khusus ke arah itu.

"Ini menunjukkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah seorang raja yang amat prihatin - bukan sahaja kepada rakyat dan negara baginda, tetapi juga kepada negara-negara Islam di luar sana," jelas Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama lagi.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama turut berharap agar doa itu dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Dan ini kalau kita lihat, *kitani* merupakan negara yang terawal yang mendoakan negara-negara Islam yang ada," demikian ungkap Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Manakala, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai semasa ditemui turut menyebarkan setinggi-tinggi ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja.

Menurut Yang Berhormat Ahli MMN, titah baginda semalam amat berpatutan di mana Kebawah DYMM mengingatkan



kita untuk melihat dengan mata dan jiwa simpati bagi saudara kita yang pada masa kini dilanda musibah.

Tambah Yang Berhormat, walaupun kita bergembira di Hari Raya ini, kita hendaklah sentiasa mengingat akan musibah yang menimpa orang-orang Islam yang kurang bernasib baik, apa tah lagi saudara sesama muslim kita di luar sana yang pada masa kini dilanda peperangan.

Sementara itu, berikutan dengan Titah Perutusan Khas sempena Hari Raya Aidilfitri 1447H Kebawah DYMM, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim pula menyatakan apa yang beliau dapat ambil dari titah berkenaan ialah ingatan tentang syukur, perpaduan dan menjaga adab sesama *kitani*.

"Saya rasa titah berkenaan adalah dekat dengan kehidupan *kitani*, kerana ia bukan sahaja tentang meraikan kemenangan, tetapi juga mengeratkan silaturahmi dan menginsafi nikmat yang Allah berikan," ujarnya.

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Junjung ziarah mengeratkan hubungan antara negara

Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Mac.

- Kegembiraan menyambut Hari Raya Aidilfitri dan seterusnya berpeluang bersua muka dan menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja yang lain, merupakan satu penghormatan yang sangat dihargai oleh setiap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Perkara ini diakui oleh para diplomat asing di negara ini yang menganggap undangan menyambut Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bersama para diplomat dan perwakilan asing ke negara ini dan menjunjung ziarah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja yang lain di Istana



Nurul Iman sebagai satu kenangan manis dan jarang diperoleh di negara lain.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Abel Guterres ketika ditemu bual

Pelita Brunei mengongsikan, perayaan Hari Raya Aidilfitri di NBD adalah unik, dan ia merupakan satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan kerana dapat merasai sambutan Aidilfitri di negara ini.

Tuan Yang Terutama Abel Guterres, juga begitu kagum melihat suasana kemesraan dan muhibah yang terjalin di antara semua tetamu-tetamu khas yang diundang.

Menurut Tuan Yang Terutama lagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang raja yang sangat baik, dan baginda menjaga rakyatnya dengan penuh perhatian.

sesuatu yang rakyat Timor-Leste ingin pelajari daripada pengalaman ini. Saya fikir Timor-Leste dan Brunei merupakan dua negara terkecil dalam keluarga ASEAN dari segi jumlah penduduk. Oleh itu, saya percaya Timor-Leste dan Brunei akan bekerjasama dengan lebih rapat pada masa hadapan dalam kerjasama dua hala," ujar TYT lagi.

Pada kesempatan ini juga, TYT bagi pihak presiden, kerajaan dan rakyat Timor-Leste, menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang lain, dan seterusnya mendoakan baginda serta kerabat diraja sentiasa sihat sejahtera dan juga seluruh rakyat baginda dan NBD bahagia, aman, damai dan makmur.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan semasa ditemui mengongsikan, ini merupakan kali kedua menyambut Hari Raya Aidilfitri di NBD, dan beliau setentunya melahirkan rasa gembira kerana berpeluang bersua muka dan seterusnya menjunjung ziarah

Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan kerabat diraja di hari lebaran yang diraikan setahun sekali.

Puan Yang Terutama Naureen Ahsan, Hari Raya merupakan peluang baginya untuk bertemu lebih ramai orang, dan ini membantu membina hubungan antara rakyat (*people-to-people*), serta memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

"Jadi ini adalah peluang besar bagi saya untuk mengenali pegawai kerajaan dan juga golongan perniagaan. Saya amat menantikan musim perayaan ini," ujar Puan Yang Terutama lagi.

PYT seterusnya menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah DYMM serta



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD.

"Saya mendoakan panjang umur, sihat dan hidup bahagia, serta lebih kemakmuran dan kestabilan, terutamanya dalam keadaan dunia yang tidak menentu ketika ini. Negara ini sangat bertuah, benar-benar diberkati kerana krisis tenaga tidak banyak menjajskannya. Diharapkan negara ini akan terus menikmati keamanan dan kemakmuran yang berpanjangan. Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi harapan dan doa terbaik saya untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan negara ini."

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi

Daerah Tutong

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin



ANTARA inti sari Khutbah Hari Raya Aidilfitri ialah menyambut Hari Raya Aidilfitri mengikut ajaran Islam dan dengan penuh kesedaran.

TUTONG, Sabtu, 21 Mac. - Laungan takbir menghidupkan suasana pagi 1 Syawal di Negara Brunei Darussalam, apabila umat Islam memenuhi masjid dan surau bagi melaksanakan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri, sebagai

tanda kesyukuran.

Di Daerah Tutong, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di semua masjid, surau dan balai ibadat di daerah ini berlangsung seawal pukul 7.00 pagi dan kemudian disusuli dengan Khutbah Hari Raya.

Salah satu masjid yang menjadi tumpuan umat Islam menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Antara yang hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Lapisan masyarakat termasuk kaum wanita dan kanak-kanak turut sama menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di masjid berkenaan yang diimamkan oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Selesai menunaikan

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri, Khutbah Hari Raya Aidilfitri disampaikan yang antara lain menggariskan bahasa Islam sangat menekankan kepentingan menjaga hubungan sesama manusia.

Justeru, amalan ziarah-menziarahi pada bulan Syawal merupakan antara terbaik untuk melaksanakan perintah ini dengan penuh hikmah dan kasih sayang.

Sesungguhnya menziarahi dan memuliakan tetamu adalah akhlak yang sangat mulia dan amat dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai tanda kesempurnaan iman dan keindahan ajaran agama Islam.

Turut ditekankan juga, amalan bermaaf-maafan merupakan sifat mulia yang wajar diamalkan sepanjang masa.

Dalam Khutbah Hari Raya Aidilfitri, turut menggalakkan kita untuk meneruskan amalan berpuasa di bulan Syawal dengan melaksanakan puasa enam, di mana pahalanya menyamai puasa sepanjang tahun, iaitu sebagai tanda istiqamah dan kesinambungan ketaatan kita kepada Allah Subhanahu



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Wata'ala.

Selain itu, antara aspek penting yang tidak wajar kita abaikan adalah menyambutnya mengikut ajaran Islam dan dengan penuh kesedaran, walaupun kita disunatkan untuk berhias dan bergembira pada Hari Raya, namun ia tidak bermakna kita dibenarkan berbelanja secara berlebihan sehingga melampaui

batas, membenakan diri dan terjerumus ke dalam hutang.

Turut dinyatakan, tanda kasih sayang sesama Islam adalah dengan merafakkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala di mana doa adalah senjata orang Mukmin, tempat bergantung yang lemah dan tanda bahawa kita mempunyai hubungan hati dengan saudara-saudara kita.

Daerah Belait

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SUASANA sekitar Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan (atas), sementara gambar atas kiri, Khutbah Hari Raya Aidilfitri disampaikan oleh Imam Tingkat III, Masjid RPN Kampung Pandan.

menyeru umat Islam untuk berdoa semoga kita semua tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang kembali kepada fitrah, berakhlak mulia serta hidup dalam kasih sayang dan keharmonian, diterima amalan

kita, diampunkan segala dosa, diteguhkan hati kita di atas jalan hidayah, dipelihara raja, negara dan keluarga kita serta dikurniakan pertolongan kepada umat Islam di mana sahaja mereka berada. *Amin Ya Rabbal Alamin.*



BELAIT, Sabtu, 21 Mac. - Sambutan Sunat Hari Raya Aidilfitri diraikan oleh umat Islam di Daerah Belait di semua masjid, surau dan balai ibadat dengan laungan takbir serta menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah, seawal pukul 7.30 pagi.

Antara masjid yang menjadi tumpuan di daerah berkenaan ialah Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan.

Selepas laungan takbir, pelbagai peringkat lapisan masyarakat termasuk kaum wanita dan kanak-kanak bersama-sama

menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di masjid berkenaan yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin.

Selesai menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri, Khutbah Hari Raya Aidilfitri disampaikan oleh Imam Tingkat III, Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Abdul Azim bin Haji Abdul Majid.

Antara pengisian khutbah berkenaan menggariskan, dalam kegembiraan kita menyambut Aidilfitri, antara aspek penting yang tidak wajar kita abaikan adalah menyambutnya mengikut ajaran Islam dan dengan penuh kesedaran.

Walaupun kita disunatkan untuk berhias dan bergembira pada Hari Raya, namun ia tidak bermakna kita dibenarkan berbelanja secara berlebihan sehingga melampaui batas, membebankan diri dan terjerumus ke dalam hutang.

Ingatlah, bahawa kehidupan yang sederhana itu lebih indah dan

membawa ketenangan. Oleh itu, janganlah kita terlalu menuruti kehendak hawa nafsu sehingga menyusahkan diri sendiri dan terjerumus ke dalam pembaziran yang dilarang dalam agama Islam.

Sesungguhnya agama Islam mengajar umatnya agar sentiasa bersikap sederhana dalam setiap urusan kehidupan serta dengan tegas melarang perbuatan membazir yang hanya menurut kehendak hawa nafsu.

Dalam khutbah tersebut juga mengingatkan, di saat kita bergembira menyambut Aidilfitri dalam suasana menikmati keamanan dan kesejahteraan, kita tidak lupa saudara-saudara seagama kita di luar sana yang menyambut Syawal dalam suasana derita, dizalimi dan berendam air mata kesan daripada pencerobohan, peperangan dan bencana.

Ada yang kehilangan ibu bapa, anak dan ahli keluarga, kehilangan tempat tinggal, hidup dalam kesempitan, kelaparan dan penderitaan.

Mengakhiri khutbah, beliau

Daerah Temburong

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Sabtu, 21 Mac. - Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diadakan di semua masjid-masjid utama, surau-surau dan balai ibadat di seluruh negara dengan bergema laungan takbir

bagi menghidupkan suasana raya.

Di Daerah Temburong, umat Islam menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.



Hadir menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Norezam bin Haji Zaini dan kemudian diteruskan dengan khutbah pertama bertajuk 'Hadiah Terindah Di Aidilfitri'.

Dalam khutbah pertama, Awang Norezam menekankan antara perkara paling utama yang wajar kita dahulukan ialah amalan bermaaf-maafan.

Ungkapan 'Mohon Maaf Zahir dan Batin' sering kita lafazkan apabila melangkah masuk ke rumah saudara-mara dan sahabat handai. Ia tegasnya, bukan sekadar ungkapan di bibir sahaja tetapi luahan hati yang ikhlas, mengharapakan keampunan dan kerediaan sesama kita.

"Betapa indahnyanya ajaran agama Islam yang membuka ruang untuk



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (atas), manakala gambar kiri, Khutbah Hari Raya disampaikan oleh imam masjid berkenaan.

kita membersihkan hati, meleraikan perselisihan dan menyuburkan kembali kasih sayang melalui budaya saling memaafkan," tambahnya.

Sementara itu, dalam khutbah kedua 'Aidilfitri Dalam Naungan Rahmat dan Keampunan Allah

Subhanahu Wata'ala', beliau menyeru bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah mengingatkan kita bahawa perbuatan membazir merupakan sifat yang tercela. Bahkan, mereka yang melakukan pembaziran disifatkan sebagai bersaudara dengan syaitan.

سوره رومي

تروسله ملغكه دجالن عباده

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوي له كيت كحضرة الله سُبحانه وَتعالى دغن منيغكنن كإيمانن كشدن. سسوغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسى الله سُبحانه وَتعالى ايت اباله اورغ يغ فالينغ يرتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغني الله سُبحانه وَتعالى، براوله كحيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

ماريله كيت ممقربايقن عمل عبادة دان عمل كبايقن، سرت ممقربايقنن كطاعتن كقد الله سُبحانه وَتعالى. جاغنه كيت منسياسياكن ماس يغ الله سُبحانه وَتعالى كورنياكن. سباليقن جاديكن ستياف هاري سباكي رواج اتوق ممقربايكي ديري، ممقركمس إيمان، ممقربايقن توبه دان استغفاره، سرت مغواننن هوبوغن دغن الله سُبحانه وَتعالى.

دالم فد ايت، اكام مغاخر كيت سقاي ملبهارا حق الله سُبحانه وَتعالى دان حق مانسي دغن فئوه امانه. انتارا كواجقن يغ بسر دالم شريعة اسلام اباله منونايكن زكاة فطره دان زكاة هرتا باكي سسياف يغ واجب كاتسن. زكاة مغندوغي حيكمه فوجيان ديري، هرتا دان فيمقورنان عبادة، دسقيغ ممبتنو كولوغن يغ مملوكن. مك جاغنه كيت لالاي دان ليكا. هندقله كواجقن ايت دتونايكن مغيكوت كتفنن شرع دان سباكاي تندا شكور، طاعة دان قدولي سسام انسان.

جماعه يغ درحمي الله،

هاري راي عيدالفطري اداله هاري كمنغن أومت اسلام سنله برجاي ملسناكن عبادت فواسا دبولن رمضان. عيدالفطري بوكن سقندر فرايان، اكن تنافي تندا كجايان، لامبغ كطاعتن دان بوقيتي كقوانن جيو منوندوكن هاوا نفسو دمي منجاري ريبض الله سُبحانه وَتعالى.

أومت اسلام دسلوروه دنيا ميمبوت دان مراعيكن عيدالفطري دغن هاتي يغ فئوه راس شكور اتس نعمت إيمان، كسمقنن بربعاده دان فلواغ اتوق كمبالي كقد فطرة. سسوغكوهن ككمبيران يغ دراساكن بوكنله سقندر كران فكايين بهارو اتاوقون هيدغن يغ لاذت، اكن تنافي كران كيت تله برجاي مغهاروغي تربيعة رمضان يغ مغاسوه جيو، موبجيكن هاتي دان مندككنن ديري كقد الله سُبحانه وَتعالى.

عيدالفطري اداله رواج اتوق كيت مغوكوهكن صلة الرحم، ساليغ برماعتن دان ميبباركن كاسيه ساليغ سسام انسان. اي اداله دتيق اتوق مولاكن لمبران بهارو دغن هاتي يغ برسبه دان هوبوغن يغ لبيه ايرت دغن كلوارك، سودارا مارا، جيران، صحابت هندي دان راكن تولان.

اوليه ايت، دالم ككمبيران كيت ميمبوت دان مراعيكن عيدالفطري، جاغنه كيت هايرت دالم كلالين هيغك ملوقاكن حقيقت سبتر كمنغن اين. اين كران عيدالفطري بوكنله سقندر هاري اتوق بركمبير، اكن تنافي رواج اتوق برمخاسيه، منيلاي سجاوه مان فروبهين يغ تله كيت اوسهاكن سقننغ كيت براد دالم بولن رمضان.

جاغن بياركن سماغت عباده كيت ترهنني برسام برلالون رمضان. سباليقن، كيت تروسله ملغكه دجالن عباده، منجاك اخلاق دان منجاوهي فركارا يغ ملالاين. كيت براوسها ممقربايكي ديري كاره يغ لبيه بايك بوكن هاك كتيك رمضان، اكن تنافي دسقننغ حيات كيت.

جماعه يغ درحمي الله،

أرتي إستقامة منوروت إمام النووي رَحِمَهُ اللهُ دالم كِتَاب رِيَاضُ الصَّالِحِينَ اباله تكوه فنديرين دان برتروسن دالم منجالننن سكل قرينته الله سُبحانه وَتعالى دان منجاوهي لارغنن، إبنله إستقامة يغ ديريكن فنكنن دالم القرآن دان حديث صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

سسوغكوهن دالم برإستقامة، عملن يغ دلاكوكن سجارا برتروسن والاقون سديكيت، اداله جاوه لبيه أوتام دان لبيه دجيتناي اوليه الله سُبحانه وَتعالى، برنديغ عملن يغ بايق اكن تنافي هان دلاكوكن سكالن-سكلا. درقد عائشة رَضِيَ اللهُ عَنْهَا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا يغ برمقصود: واهي سكالبان مانسي، برعمل له سقندر كممقوان كامو، بهاواسن الله تيدق اكن براس جمو سهيغك كاليان مراس جمو دان سسوغكوهن عملن يغ فالينغ دجيتناي الله اداله عملن يغ دكرجاكن سجارا بركلن والاقون سديكيت. {حديث رواية إمام بخاري}

جماعه يغ درحمي الله،

اكام اسلام منونوت أومتن أكر سنتياس برإستقامة دالم ملاكوكن عمل كبايقن، تنفا مغيرا وقتو اتاوقون موسيم. جوسزو، سكل عمل صالح يغ تله كيت لاكوكن دسقننغ بولن رمضان، جاغنه اي ترهنني سايرينغ برلالون

رمضان. سباليقن، عملن-عملن ترسيوت هندقله كيت تروسكن دان قرتاهننن دالم بولن-بولن يغ لاي، سباكاي تندا كسوغكوهن، بوقيتي كإيمانن دان سباكاي قمبرا سماغت اتوق تروس منيغكننن تقوي دان مندككنن ديري كقد الله سُبحانه وَتعالى.

جاغنه سنله كيت برسوغكوه-سسوغكوه برجواغ دبولن رمضان، كيت كمبالي سمولا تفكلم دالم دوسا دان معصية سبايك سهاج ملغكه كبولن شوال دان بولن-بولن بررايكوتن. ألغكه روكنننن سكل عمل دان اوسها كيت ايت منجادي سبا-سبا، هان كران كيت كاكل ممقربايقنن نيلاي دان فروبهين يغ تله كيت بينا كران رمضان سقاتوتن منيغككنن كسن يغ ككل، بوكنن سمنتارا.

تروس دان تنقله كيت ملغكه دجالن عباده، جاغن كيت بياركن شوال منجادي فينتو كلالين سنله رمضان منجادي ميدن فوجين. كيت تروسكله براوسها ممقربايكي ديري دان منجاك هاتي أكر تنف دكت دغن الله سُبحانه وَتعالى. اين كران اورغ يغ برجاي بوكنله يغ هييت دبولن رمضان سهاج، اكن تنافي اورغ يغ سنتياس برإستقامة دسقننغ حياتن.

أخيرن، سموك سكل عباده، دعاء دان عمل كبايقن يغ كيت لاكوكن دترها اوليه الله سُبحانه وَتعالى، سرتا منجادي أسباب تورونن بركة، رحمة دان عنايهن كاتس كيت سمو، بوكن هان دبولن رمضان، اكن تنافي دسقننغ كهيدونن اين هيغك كأخير حيات. آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسيرن: مك هندقله أعاكو (واهي ني محمد) سنتياس برإستقامة (تنف تكوه داتس جالن يغ بنر) سباكيمان يغ دفرينتهننن كقد مو دان اورغ-اورغ يغ برتوبه برسام مو، دان جاغنه كامو ملمقاوي باتس. سسوغكوهن دي مها مليهت اف يغ كامو كرجاكن. {سورة سورة هود آية: ١١٢}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِأَفْوَجِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَأْتِجَاةَ النَّائِبِينَ.

Sistem pencerapan global WMO bantu menyelamatkan nyawa

■ **Siaran Akhbar : Jabatan Kajucaua Brunei Darussalam**

GENEVA, Isnin, 23 Mac. - Terdapat banyak Hari-hari Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Jadi mengapa hari ini penting? Ini adalah disebabkan pada hari ini kita meraikan komuniti Pertubuhan Kaji Cuaca Sedunia (WMO) dan peranannya dalam menyelamatkan nyawa serta khidmatnya kepada masyarakat.

Mari kita lihat dengan lebih dekat. Salah satu soalan yang paling kerap ditanya ialah "Apakah keadaan cuaca yang akan berlaku?". Orang ramai mengambil mudah dengan mendapatkan jawapannya melalui telefon bimbit dan televisyen mereka.

Di sebalik setiap ramalan,

terdapat berjuta pencerapan yang telah diproses di dalam rangkaian antarabangsa yang unik yang diselenggarakan oleh WMO. Sistem pencerapan global WMO membantu dalam membuat keputusan yang bernilai berbilion-bilion.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Setiausaha Agung, Profesor Celeste Saulo dalam perutusan sempena Hari Kaji Cuaca Sedunia 2026 dengan tema 'Pantau Hari Ini, Lindungi Hari Esok'.

Jelas Profesor Celeste Saulo lagi, dari laluan penerangan ke perlindungan banjir, dari perancangan tenaga ke pengurusan kesihatan dan dari penanaman tanaman ke pelaburan infrastruktur.

la menghasilkan ramalan dan amaran awal yang menyelamatkan ribuan nyawa.

"Oleh itu, saya gembira bahawa tema Hari Kajucaua Sedunia pada tahun ini ialah 'Pantau Hari Ini, Lindungi Hari Esok'. Kerana apabila kita membuat pemantauan pada hari ini, kita tidak hanya meramal cuaca, kita juga melindungi hari esok.

"Hari esok bagi manusia sejagat. Hari esok bagi planet ini. Dan itulah sebabnya kenapa golongan muda pada hari ini amat penting kerana merekalah pelindungan masa hadapan. Kami memerlukan tenaga awda, inovasi awda dan kemahiran awda," ujarnya.

Profesor Celeste Saulo seterusnya berkata, kita hidup di

dalam era kemajuan teknologi yang hebat. Namun, kita mesti sama rata memberi peluang dan memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan.

Kita tambahnya, perlu merapatkan jurang dalam data dan pencerapan. Dan kita mesti ingat bahawa Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) bergantung kepada kecerdasan manusia.

"Pada Hari Kajucaua Sedunia ini, saya dengan ini ingin merakamkan penghargaan kepada ribuan insan dalam komuniti WMO, iaitu pemerhati-pemerhati kaji cuaca di lokasi-lokasi terpencil dan sunyi, ahli-ahli kaji cuaca yang melepaskan belon cuaca dua kali sehari, setiap hari, ahli-ahli hidrologi yang memantau sungai-sungai

pada waktu subuh, peramal-peramal cuaca yang berjaga sepanjang malam.

"Ahli-ahli oseanografi yang berani menghadapi ombak, jurutera-jurutera yang membaiki stesen-stesen cuaca selepas mengalami ribut, juruteknik-juruteknik satelit yang mengekalkan pandangan kita di langit, ahli-ahli klimatologi yang membantu kita untuk memahami masa lalu dan bersiap-sedia untuk masa hadapan, dan pemproses-pemproses komputer yang memproses dan berkongsi data," jelasnya lagi.

Profesor Celeste Saulo juga berkata, "Kita lebih daripada sekadar peramal cuaca. Bersama-sama, kita menyediakan perkhidmatan awam global untuk kebaikan awam global. Bersama-sama, kita memantau hari ini dan melindungi hari esok".

"Saya mengucapkan terima kasih kepada awda semua. Sekali lagi, saya mengucapkan Selamat Hari Kaji Cuaca Sedunia," ujarnya mengakhiri perutusan.

AKTIVITI KEBAJIKAN BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN

■ **Oleh : Haniza Abdul Latif**
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Mac. - Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, pelbagai aktiviti kebajikan biasanya dipergiatkan untuk membantu golongan yang memerlukan agar mereka juga dapat menyambut perayaan dengan lebih bermakna.

Antara usaha yang sering dijalankan termasuk pengagihan sumbangan makanan dan barangan asas seperti beras, minyak masak, dan keperluan dapur, di samping pemberian duit

raya atau bantuan kewangan kepada keluarga kurang berkemampuan, anak yatim, dan warga emas sekali gus dapat meringankan beban mereka.

Selain itu juga, program gotong-royong dan ziarah kasih untuk membersihkan rumah serta menyantuni mereka yang uzur atau tinggal bersendirian turut diadakan sebelum menjelang bulan Syawal.

Sumbangan pakaian raya agar semua dapat meraikan Aidilfitri dengan penuh kegembiraan yang dilaksanakan oleh beberapa individu dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) juga merupakan

salah satu inisiatif yang sangat menggalakkan.

Usaha-usaha seperti berkenaan bukan sahaja meringankan beban, malah mengeratkan semangat kejiwaan dan keprihatinan dalam masyarakat.

Di samping itu, ia juga selari dengan nilai-nilai murni Aidilfitri yang menekankan kasih sayang, kesyukuran, dan saling membantu.

AKTIVITI gotong-royong diadakan sebelum menjelang bulan Syawal bagi meringankan beban, malah mengeratkan semangat kejiwaan dan keprihatinan dalam masyarakat.



Pemberian sampul raya menjadi tradisi mulia dalam mengeratkan hubungan

■ **Oleh : Nooratini Haji Abas**
Foto : Mohammad Hasif Matzin



SAMPUL raya berwarna-warni dihias dengan corak tradisional dan ayat-ayat ucapan yang penuh keberkatan. Wang yang diberikan pula dianggap sebagai keberkatan dan doa agar diberikan kesihatan dan rezeki yang berlipat ganda.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Mac. - Menjelang bulan Syawal yang mulia, tradisi pemberian sampul raya menjadi satu budaya penting yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di seluruh negara termasuklah di Negara Brunei Darussalam.

Sampul raya adalah sampul khas yang digunakan untuk memberi wang kepada kanak-kanak, warga emas, dan

golongan yang memerlukan sebagai tanda penghargaan dan kasih sayang sempena Hari Raya Aidilfitri.

Tradisi berkenaan telah lama diamalkan dan dianggap sebagai satu amalan mulia yang mengeratkan hubungan kekeluargaan dan masyarakat.

Biasanya, sampul raya berwarna-warni dihias dengan corak tradisional dan ayat-ayat

ucapan yang penuh keberkatan. Wang yang diberikan pula dianggap sebagai keberkatan dan doa agar diberikan kesihatan dan rezeki yang berlipat ganda.

Malah, seni rekaan sampul mempunyai keunikan tersendiri yang mencerminkan budaya dan tradisi masyarakat di negara ini. Keunikan berkenaan juga menyelitkan warna-warna ceria, dan simbol-simbol yang melambangkan kemeriahan Hari Raya.

Reka bentuk berkenaan biasanya menampilkan elemen-elemen seperti ketupat, lemang, kanak-kanak bermain bunga api dan masjid, yang diolah dengan gaya moden dan kreatif bagi menarik perhatian dan menyampaikan mesej kegembiraan serta keberkatan dengan menggunakan kaligrafi yang menarik.

Dengannya bukan sahaja memupuk semangat perpaduan, bahkan merafakkan rasa kesyukuran dan kegembiraan masyarakat di negara ini dalam sama-sama menyambut hari yang penuh bermakna ini.

Keunikan sampul raya diharap akan terus kekal dan berkembang dan menjadi satu warisan budaya yang membanggakan dan memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BERNEKULUAMALAM

TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA, GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.

SEAT BELTS CAN SAVE LIVES, ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.

Road Safety Depends on #YouAndMe



Sila imbas Untuk Khutbah Lengkap

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI PERTAMA

1447H/ 2026M



KEMAAFAN; HADIAH TERINDAH DI AIDILFITRI

RAYA AIDILFITRI

Sebagai tanda kemenangan

AMALAN BERZIARAH DAN KUNJUNG-MENGUNJUNGI

M

Mengeratkan silaturahim

M

Menyuburkan ukhuwah

M

Menenangkan hati sesama Insan



AMALAN BERMAAF-MAAFAN

Sifat Mulia

MELAKUKAN KESALAHAN TERHADAP ORANG LAIN

Segera memohon kemaafan

Kerana perbuatan menyakiti hati sesama insan boleh melahirkan perasaan dendam dan merosakkan hubungan persaudaraan.



Sila imbas Untuk Khutbah Lengkap

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI KEDUA

1447H/ 2026M

AIDILFITRI DALAM NAUNGAN RAHMAT DAN KEAMPUNAN ALLAH SWT

AMALAN BERPUASA DI BULAN SYAWAL DENGAN MELAKSANAKAN PUASA ENAM

- Pahalanya menyamai puasa sepanjang tahun
- Sebagai tanda istiqamah
- Kesinambungan ketaatan kita kepada Allah SWT



BOLEH DILAKUKAN

- Secara berturut-turut atau secara berselang hari.
- Mengikut kemampuan dan kesesuaian masing-masing.
- Tanpa menjejaskan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT.

ANTARA ASPEK PENTING YANG TIDAK WAJAR KITA ABAIKAN ADALAH

Menyambut mengikut ajaran Islam dan dengan penuh kesederhanaan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 /
NAU / RPK / TA / 1002
Pembelian Alat Kelengkapan
Gerakan Ballistic Shield Dan
Covert Shield Bagi Kegunaan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 14 April 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / NAU /
TL / TA / 1001
Permohonan Pembelian Alat
Selam Dive Cylinder, Dive
Regulator Dan Buoyancy
Compensator Device (BCD)
Bagi Kegunaan Komando Tier 2,
Grup Tindak Permukaan Laut

Yuran Tawaran:
BND 50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah satu (1) minggu
sebelum tarikh tutup
tawaran,
iaitu **Selasa,
7 April 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 April 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 11 / 2026

Nama Projek:
Membaiki Dan Menurap Semula
Aspal Di Jalan Masuk Dan
Kawasan Kediaman
Yang Teramat Mulia Paduka Seri
Pengiran Anak Puteri Hajah
Nor'ain Binti Al-Marhum Sultan
Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien,
Di Kampong Madewa
Jalan Tutong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 12 / 2026

Nama Projek:
Membaiki Dan Menurap Semula
Lebuhraya Tungkong Jerudong
(Di Antara Pusing Keliling Tungkong
& Persimpangan Jerudong)
Hala Jerudong

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01 – Contractor with asphalt
plant only

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 13 / 2026

Nama Projek:
Membaiki Dan Menurap Semula
Lebuhraya – Lebuhraya Negara
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Jawatan Kosong Sebagai
Penghulu Mukim Tingkat III
- PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)**

Bagi

Daerah Belait

**1. Mukim Melilas
2. Mukim Labi**

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Belait dengan
sukacitanya mempelawa dan
menjemput penduduk-penduduk
yang bermastautin di Daerah
Belait untuk menghadapi
pencalonan bagi mengisikan
jawatan sebagai Penghulu Mukim
bagi mukim-mukim
di Daerah Belait.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati
dan dikembalikan ke alamat
seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu
Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
**Khamis, 12 Zulkaedah 1447
bersamaan 30 April 2026,
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
3334335 / 336 sambungan
1115 / 1127 / 1185.



**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
4 Mac 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang,
Selasa,
24 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang,
Selasa, 31 Mac 2026



**Jawatan Kosong Sebagai
Ketua Rumah Panjang
E3-EB4 (BND660 - BND875)**

bagi

Daerah Belait

**1. Ketua Rumah Panjang
Teraja, Mukim Labi
2. Ketua Rumah Panjang
Malayan, Mukim Bukit Sawat
3. Ketua Rumah Panjang
Bang Taong @ Apak-Apak,
Mukim Sukang
4. Ketua Rumah Panjang
Biadong Ulu, Mukim Sukang**

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Belait,
Kementerian Hal EHWal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di Daerah Belait bagi
Rumah-Rumah Panjang yang
tersenarai di atas bagi untuk
menghadapkan pencalonan bagi
mengisikan jawatan sebagai
Ketua-Ketua Rumah Panjang.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati
dan dikembalikan ke alamat
seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal EHWal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
**Khamis, 12 Zulkaedah 1447
bersamaan 30 April 2026,
jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
3334335 / 336 sambungan
1115 / 1127 / 1185.



**Jawatan Kosong Sebagai
Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Belait

**1. Ketua Kampung
Sungai Teraban
2. Ketua Kampung Pekan
Kuala Belait A
3. Ketua Kampung Pandan E
4. Ketua Kampung RPN Lumut
Kawasan I
5. Ketua Kampung Pekan Seria
Kawasan 1
6. Ketua Kampung Pekan Seria
Kawasan 2
7. Ketua Kampung Sungai Bera
8. Ketua Kampung Panaga**

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Belait,
Kementerian Hal EHWal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di Daerah Belait
bagi kampung yang tersenarai
di atas bagi untuk
menghadapkan pencalonan
bagi mengisikan
jawatan sebagai
Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati
dan dikembalikan ke alamat
seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal EHWal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
**Khamis, 12 Zulkaedah 1447
bersamaan 30 April 2026,
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
3334335 / 336 sambungan
1115 / 1127 / 1185.





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(IV Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
24 Mac 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
7 April 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 047 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Pemeliharaan Kerja Mekanikal
dan Elektrikal Di Loji Rawatan
Air Bukit Barun,
Tutong 2027-2030

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
31 Mac 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
14 April 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem Pam Saliran
Di Jalan Bunga Simpung (PS2),
Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-003-004

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
24 Mac 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
7 April 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 013 / 2026

Nama Projek :
Membaik Pulih Cerun
Di KM4 Jalan Labi,
Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-001-001

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III dan IV sahaja

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM003 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / PDB.01

Nama Projek:
Kerja-kerja Membaikpulih
Kerosakan Di Bangunan Dewan
Serbaguna, Pusat Latihan Polis,
Kompleks Ibu Pejabat Polis
Gadong,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
24 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 April 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1623) / 2026 / HTD
(B8)

Keterangan:
One-Off Preventive Maintenance
Services For GE Healthcare
Phototherapy In Ministry Of
Health

Yuran Tawaran:
BND5.00

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1624) / 2026 / HTD
(A19)

Keterangan:
One-Off Preventive Maintenance
Service Of Daavlin 3 Series PC
Phototherapy Machine, S/N:
P3514-ASNBPC-2424 BME7688,
In Dermatology Clinic, SSB
Hospital Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Bilangan Sebut Harga:
(19) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Barcode
Sticker For Suri Seri Begawan
Hospital, Ministry Of Health For A
Period Of Five (05) Years
(Clustering)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 April 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN
HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
14 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract For Maintenance
Of Air-Conditioning System And
Electrical Works At The Land
Boundary Secretariat Office
Ministry Of Foreign Affairs,
Jalan Perayaan For A Period Of
Twenty-Four (24) Months - FSOR

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
1 April 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
02 / ASSET.MFA / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Sofa Sets Refurbishment Works
At Ministry Of Foreign Affairs,
Jalan Subok

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
1 April 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
02 / MAR / 2026 / KKBS / PJK /
16.14 (7)

Three (3) Years General Term
Maintenance For Pabx System
At Ministry Of Culture,
Youth And Sports Building,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
2 April 2026
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
20 / FEB / 2026 / KKBS /
SECURITY / PKBN
Membekalkan Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan Bagi
Tempoh Dua Puluh Empat
(24) Bulan
Untuk Kompleks Bangunan Kem
Latihan Program Khidmat Bakti
Negara (PKBN),
Kampung Batu Apoi,
Daerah Temburong, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
01 / MAR / 2026 / KKBS / PJK /
16.43

Tajuk Sebut Harga:
General Building Term
Maintenance For A Period Of
Twenty-Four (24) Months For
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD) Temburong,
Brunei Darussalam
1. Batang Duri Camp
2. Belalong Camp

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 Mac 2026
Jam 2.00 Petang



IMBASAN MINGGUAN

▲ **PARA** Pelatih Program Pembangunan Belia Sesi 2025 yang terdiri daripada 49 pelatih lelaki dan 34 pelatih perempuan diraikan pada Majlis Takreem Al-Quran yang berlangsung di Dewan Bina Diri, Pusat Pembangunan Belia (PPB), Jalan Utama Tanah Jambu. - Foto : Nurdiyana Rajami.

▼ **ANTARA** yang hadir pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma sempena Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

▲ **MAJLIS** Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Universiti Teknologi Brunei bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

▼ **SALAH** seorang penerima yang menerima bantuan sempena Majlis Infaq Ramadan dan Program 1K1P serta Penyampaian Derma Anak Yatim Mukim Gadong 'B'. - Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman.

▲ **SEBAHAGIAN** belia yang menghadiri penutup Program Nur Ramadan 3.0 : Belia Al-Wahdah anjuran Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menerusi Belia Imityaz yang berlangsung di Masjid YSHHB, Jalan Kasat. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



جوالن سالينن كمبر ٢ ديكيئل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis

8.00 Pagi – 12.00 T/hari

2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu

8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Khutbah Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi

Khutbah Pertama

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

D i hari yang mulia ini, umat Islam di seluruh dunia tanpa mengira darjat, pangkat dan bangsa bersatu dalam lafaz takbir, tahmid dan tasbih sebagai tanda mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala serta lambang kejayaan mengawal hawa nafsu di sepanjang bulan Ramadan.

Setelah sebulan kita bersungguh-sungguh menunaikan ibadah puasa, menahan lapar dan dahaga serta bermujahadah melawan hawa nafsu, kini Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada kita Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda kemenangan. Kemenangan ini bukan terletak pada keseronokan dan keindahan bersifat zahir semata-mata tetapi pada kejayaan dalaman kita menundukkan hawa nafsu dan memperbaiki diri di sepanjang bulan Ramadan.

Aidilfitri yang kita sambut bukan sekadar hari untuk kita bergembira tetapi merupakan tanda kembalinya kita kepada fitrah yang suci dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Bagi mereka yang benar-benar menjadikan Ramadan sebagai medan didikan rohani, sudah pasti akan terasa perubahan dalam diri iaitu daripada hati yang alpa kepada jiwa yang sedar serta insaf akan tanggungjawab sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala dan daripada keimanan yang goyah kepada keimanan yang lebih teguh serta berterusan. Perubahan ini lahir daripada kesungguhan melawan hawa nafsu sehingga sifat-sifat buruk dalam hati berjaya disingkirkan dan digantikan dengan akhlak yang mulia serta jiwa yang lebih bersih.

Oleh itu, marilah kita meraikan Aidilfitri dengan penuh rasa syukur serta ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah ketakwaan yang telah kita pupuk di sepanjang Ramadan dengan doa dan kesabaran menjadi rosak hanya kerana perbuatan yang melalaikan sehingga hati yang telah disucikan kembali ternoda oleh perbuatan mungkar dan maksiat.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar
 Sesungguhnya amalan berziarah dan

Kemaafan : Hadiah terindah di Aidilfitri

saling kunjung-mengunjungi di sepanjang bulan Syawal merupakan satu amalan yang baik dan diharuskan dalam Islam. Ia bukan sekadar adat kebiasaan bahkan menjadi ibadah yang dapat mengeratkan hubungan silaturahmi, menyuburkan ukhuwah dan menenangkan hati sesama insan. Hal ini selaras dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa, ayat 1 :

Tafsirnya : "Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam Alaihissalam), Dia (Allah Subhanahu Wata'ala) menciptakan daripada pasangannya (Hawa), Dia (Allah Subhanahu Wata'ala) mengembangbiakkan daripada keduanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta serta (peliharalah) hubungan silaturahmi (kaum kerabat). Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengawasi (Memerhati) kamu".

Jelaslah daripada ayat yang dibacakan tadi bahawa Islam sangat menekankan kepentingan menjaga hubungan sesama manusia. Justeru, amalan ziarah-menziarahi pada bulan Syawal merupakan antara terbaik untuk melaksanakan perintah ini dengan penuh hikmah dan kasih sayang. Sesungguhnya menziarahi dan memuliakan pada bulan Syawal merupakan antara terbaik untuk melaksanakan perintah ini dengan penuh hikmah dan kasih sayang. Sesungguhnya menziarahi dan memuliakan pada bulan Syawal merupakan antara terbaik untuk melaksanakan perintah ini dengan penuh hikmah dan kasih sayang.

Maksudnya : "Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka jangan sakiti jirannya dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka muliakanlah tetamunya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Dalam suasana ziarah-menziarahi Aidilfitri ini, antara perkara paling utama yang wajar kita dahulukan ialah amalan bermaaf-maafan. Ungkapan "Mohon maaf

zahir dan batin" sering kita lafazkan apabila melangkah masuk ke rumah saudara-mara dan sahabat handai. Ia bukan sekadar ucapan di bibir sahaja tetapi luahan hati yang ikhlas, mengharapakan keampunan dan keredaan sesama kita. Betapa indahnya ajaran agama Islam yang membuka ruang untuk kita membersihkan hati, meleraikan perselisihan dan menyuburkan kembali kasih sayang melalui budaya saling memaafkan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menjelaskan bahawa sifat pemaaf merupakan antara tanda keimanan yang paling utama dan mulia. Ia melambangkan kebersihan hati serta ketinggian akhlak seorang Muslim. Sesungguhnya memaafkan bukanlah tanda kelemahan, sebaliknya bukti kekuatan jiwa dan keikhlasan bagi mereka yang benar-benar menghayati ajaran Islam. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Dan tidaklah Allah menambah kepada seorang hamba yang pemaaf kecuali kemuliaan". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar
 Kita semua adalah makhluk Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak pernah terlepas daripada melakukan kesilapan dan kesalahan. Oleh itu, amalan bermaaf-maafan merupakan sifat mulia yang wajar diamalkan sepanjang masa. Apabila kita menyedari telah melakukan kesalahan terhadap orang lain, segeralah memohon kemaafan kerana perbuatan menyakiti hati sesama insan boleh melahirkan perasaan dendam dan merosakkan hubungan persaudaraan.

Begitu juga apabila perbuatan seseorang menyentuh perasaan dan menyakiti hati kita. Pastinya keadaan itu sukar untuk diterima, apatah lagi untuk dimaafkan. Namun, kita wajar bermuhasabah dan melihat ke dalam diri kerana ada kalanya kita sendiri juga telah banyak melakukan kesilapan dan tidak terlepas daripada melakukan dosa.

Sesungguhnya apabila kita sedar akan kelemahan dan kekhilafan diri sendiri, ia seharusnya melembutkan hati kita untuk memberi kemaafan kerana kita hanyalah insan biasa yang sentiasa mengharapakan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala. Maka berusaha menjadi insan yang pemaaf dan berlapang dada untuk memberikan kemaafan. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Berkasihilah, maka kamu akan dirahmati dan berikanlah kemaafan nescaya Allah akan mengampunkan kamu". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya dosa yang melibatkan sesama manusia tidak akan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala selagi kita belum memohon kemaafan daripada mereka yang pernah kita sakiti atau zalimi. Oleh itu, segeralah memohon maaf sebelum terlambat. Janganlah malu untuk mengakui kesalahan dan kekhilafan diri sendiri kerana kerendahan hati itulah jalan menuju keampunan Allah Subhanahu Wata'ala.

Bersempena Aidilfitri yang indah dan penuh kemuliaan ini, marilah kita membuka lembaran baharu dengan saling memohon dan memberi kemaafan. Pujuklah hati agar melupakan dan menghapuskan segala kemarahan serta dendam yang tersimpan selama ini. Mudah-mudahan dengan jiwa yang lapang dan sikap pemaaf, kita dikurniakan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala, dipermudahkan segala urusan serta dianugerahkan kehidupan yang harmoni, bersatu padu dan penuh kasih sayang. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "(Iaitu) orang-orang yang membelanjakan (hartanya) pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya serta memaafkan (kesalahan) orang. Dan Allah mengasihani orang-orang yang berbuat kebaikan". (Surah Ali-Imran, ayat 134)

Khutbah Kedua

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

D i hari yang penuh kebahagiaan ini, marilah kita melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat iman dan Islam yang tidak ternilai harganya. Sesungguhnya hanya mereka yang benar-benar beriman dan bertakwa sahaja mampu menyempurnakan ibadah puasa dengan penuh keikhlasan dan kesabaran.

Hari ini merupakan hari kemenangan buat kita semua iaitu kemenangan dalam jihad melawan hawa nafsu sepanjang berpuasa di bulan Ramadan. Namun, kemenangan ini tidak seharusnya terhenti dengan berlalunya Ramadan. Oleh itu, teruskanlah amalan berpuasa di bulan Syawal dengan melaksanakan puasa enam, di mana pahalanya menyamai puasa sepanjang tahun, iaitu sebagai tanda istiqamah dan kesinambungan ketaatan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Perlu diketahui bahawa puasa enam di bulan Syawal boleh dilakukan sama ada secara berturut-turut atau secara berselang hari, mengikut kemampuan dan kesesuaian masing-masing tanpa menjejaskan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Ayub Al-Ansari Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Selain itu, bulan Ramadan juga telah mendidik jiwa kita agar mampu mengawal hawa nafsu serta menjaga diri daripada

Aidilfitri dalam naungan rahmat dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala

segala bentuk maksiat, sama ada maksiat mata, telinga mahupun lidah supaya ibadah puasa dapat dilaksanakan dengan sempurna. Oleh itu, segala didikan dan latihan rohani yang kita peroleh di sepanjang Ramadan hendaklah diteruskan secara istiqamah dalam bulan-bulan yang lain, sebagai tanda keimanan yang berterusan serta kehidupan yang lebih taat, lebih berdisiplin dan lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar
 Dalam kegembiraan kita menyambut Aidilfitri, antara aspek penting yang tidak wajar kita abaikan adalah menyambutnya mengikut ajaran Islam dan dengan penuh kesedaran. Walaupun kita disunatkan untuk berhias dan bergembira pada Hari Raya, namun ia tidak bermakna kita dibenarkan membelanja secara berlebihan sehingga melampaui batas, membebaskan diri dan terjerumus ke dalam hutang.

Ingatlah, bahawa kehidupan yang sederhana itu lebih indah dan membawa ketenangan. Oleh itu, janganlah kita terlalu menuruti kehendak hawa nafsu sehingga menyusahkan diri sendiri dan terjerumus ke dalam pembaziran yang dilarang dalam agama Islam. Sesungguhnya agama Islam mengajar umatnya agar sentiasa bersikap sederhana dalam setiap urusan kehidupan serta dengan tegas melarang perbuatan membazir yang hanya menurut kehendak hawa nafsu.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengingatkan kita bahawa perbuatan membazir merupakan sifat yang tercela.

Bahkan, mereka yang melakukan pembaziran disifatkan sebagai bersaudara dengan syaitan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 26 hingga 27 :

Tafsirnya : "Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahmi) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya".

Di saat kita bergembira menyambut Aidilfitri dalam suasana menikmati keamanan dan kesejahteraan, kita tidak lupa saudara-saudara seagama kita di luar sana yang menyambut Syawal dalam suasana derita, dizalimi dan berendam air mata kesan daripada pencerobohan, peperangan dan bencana. Ada yang kehilangan ibu bapa, anak dan ahli keluarga, kehilangan tempat tinggal, hidup dalam kesempitan, kelaparan dan penderitaan.

Kita telah menyaksikan pelbagai pergolakan, pertumpahan darah dan peperangan yang melibatkan negara-negara Islam malah ada juga campur tangan pihak luar yang menambahkan lagi penderitaan umat.

Dengan ketidakpastian ini dan sebagai tanda kasih sayang sesama Islam maka kita panjatkan doa kepada Allah Subhanahu

Wata'ala. Doa adalah senjata orang Mukmin, tempat bergantung yang lemah dan tanda bahawa kita mempunyai hubungan hati dengan saudara-saudara kita. Mudah-mudahan dengan doa, Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan keamanan, memelihara umat Islam, menyatukan hati-hati mereka dan menjauhkan mereka daripada perpecahan serta permusuhan dan dikurniakan kepada mereka pertolongan terhadap musuh-musuh Allah Subhanahu Wata'ala dan musuh-musuh mereka.

Akhirnya, marilah kita raikan Aidilfitri dengan penuh adab, kesederhanaan dan keikhlasan agar kegembiraan yang kita rasakan mendapat keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Kita berdoa semoga kita semua tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang kembali kepada fitrah, berakhlak mulia serta hidup dalam kasih sayang dan keharmonian, diterima amalan kita, diampunkan segala dosa kita, diteguhkan hati kita di atas jalan hidayah, dipelihara raja, negara dan keluarga kita serta dikurniakan pertolongan kepada umat Islam di mana sahaja mereka berada. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari-Ku (dengan berbuat derhaka dan maksiat)". (Surah Al-Baqarah, ayat 152)

SOLAT SUNAT HARI RAYA MENGERATKAN UKHUWAH, PERPADUAN UMAT

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SOLAT Sunat Hari Raya adalah sebagai manifestasi rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat dan kejayaan yang dikurniakan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Mac. - Solat Sunat Hari Raya merupakan ibadah yang sangat dituntut dalam Islam, baik bagi Hari Raya Aidilfitri mahupun Aidiladha.

Hukumnya adalah sunnah muakkad, iaitu amalan yang sangat digalakkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Baginda tidak pernah meninggalkannya sejak disyariatkan. Bahkan, Baginda mengerjakannya secara berjemaah di tanah lapang sebagai tanda syiar Islam yang disaksikan oleh ramai.

Antara kelebihan utama solat sunat berkenaan adalah sebagai manifestasi rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat dan kejayaan yang dikurniakan.

Bagi Aidilfitri, ia menjadi penyempurna ibadah puasa Ramadan selepas sebulan umat Islam menahan diri. Manakala bagi Aidiladha, ia melambangkan ketaatan kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala sempena peristiwa pengorbanan Nabi

Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam.

Lebih daripada itu, solat tersebut juga menjadi lambang kebesaran Islam yang diperlihatkan secara terbuka, mempersatukan umat dari pelbagai latar belakang dalam satu saf yang khusyuk, tanpa membezakan pangkat, harta mahupun keturunan.

Dari aspek sosial, Solat Sunat Hari Raya memainkan peranan penting dalam mengukuhkan ukhuwah Islamiah.

Apabila umat Islam berkumpul di masjid-masjid dan tanah lapang, bertakbir membesarkan nama Allah Subhanahu Wata'ala sejak malam Raya sehinggalah sebelum solat dilaksanakan, suasana perpaduan dan kemeraan dalam masyarakat terpujuk dengan erat.

Ini diikuti dengan amalan bermaaf-maafan yang memperkukuh lagi silaturahmi, sekali gus membersihkan hubungan sesama manusia daripada sebarang rasa dengki dan dendam.

Selain itu, terdapat kelebihan dari sudut rohani iaitu ganjaran pahala yang besar bagi mereka yang mengerjakannya secara berjemaah.

Solat ini juga mengajar umat Islam tentang disiplin dan kebersamaan, apabila mereka berjalan menuju ke tempat solat dengan penuh rasa hormat. Bagi mereka yang uzur, solat ini tetap boleh dilakukan secara bersendirian, menunjukkan luasnya rahmat Islam yang sentiasa memberi kemudahan kepada hamba-Nya.

Justeru, umat Islam digalakkan merebut peluang keemasan ini untuk mengerjakan Solat Sunat Hari Raya dengan penuh khusyuk dan takwa, lengkap dengan takbir, tasbeih dan doa.

Semoga amalan kita diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan dianugerahkan keberkatan dunia dan akhirat, seterusnya melahirkan insan yang sentiasa bersyukur dan mendekatkan diri kepada Pencipta.

Rebut peluang melaksanakan puasa enam di bulan Syawal

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Mac. - Kesempurnaan ibadah seseorang Islam bukan sekadar terletak kepada amalan-amalan fardu yang diwajibkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, malah ia turut ditampung oleh amalan-amalan sunat dalam memperindahkan lagi mutu ibadah yang dilakukan.

Pastinya Ramadan yang baru sahaja berlalu, jika dilaksanakan dengan penuh penghayatan dan keikhlasan akan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap jiwa setiap individu selain menambahkan lagi ketakwaan.

Antara amalan yang masih terus ditekuni setelah berlalunya bulan Ramadan ialah puasa sunat. Puasa sunat masih terus dikerjakan oleh para solihin di bulan Syawal. Syawal merupakan bulan kemenangan kerana merayakan kejayaan setelah berpuasa di bulan Ramadan.

Memandangkan kita berada dalam bulan Syawal, maka antara puasa sunat yang khusus dikerjakan di bulan ini ialah Puasa Enam. Bagi mereka yang mempunyai kebiasaan berpuasa enam, ia bukan suatu perkara

baharu.

Oleh yang demikian, jangan ada yang terlepas tanpa mengerjakan Puasa Enam pada bulan Syawal kali ini. Rebutlah peluang untuk melaksanakannya kerana ia datang sekali sahaja dalam setahun. Menjadi kebiasaan kepada orang-orang Islam berpuasa sunat selama enam hari di bulan Syawal selepas mereka menamatkan puasa sebulan Ramadan kerana meyakini ganjaran dan pahala yang akan dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara hikmah dan manfaat puasa enam hari di bulan Syawal ialah sebagai pelengkap dan penyempurna pahala daripada puasa setahun penuh, setelah menunaikan puasa Ramadan.

Untuk menutupi kekurangan puasa wajib pada bulan Ramadan, sebab puasa yang kita lakukan pada bulan Ramadan pasti tidak terlepas daripada kekurangan atau dosa yang dapat mengurangi keutamaannya.

Pada Hari Kiamat kelak akan diambil pahala puasa sunat berkenaan untuk menutup kekurangan puasa wajib.

Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud yang bermaksud:

"Amal ibadah yang pertama kali dihisab pada Hari Kiamat adalah sembahyang. Allah Subhanahu Wata'ala berkata kepada malaikat sedang Dia Maha Mengetahui tentangnya periksalah ibadah sembahyang hamba-hamba-Ku, apakah sempurna atau kurang. Jika sempurna, maka pahalanya ditulis dengan sempurna. Jika kurang, maka Allah memerintahkan malaikat, periksalah apakah hamba-Ku itu mengerjakan sembahyang - sembahyang sunat? Jika ia mengerjakannya, maka tutupilah kekurangan sembahyang wajibnya dengan sembahyang sunat. Begitu pulalah dengan amal-amal ibadah lainnya".

Natijah daripada amalan berpuasa ialah takwa dan kasih kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Tanda kasih kepada Allah Subhanahu Wata'ala ialah dengan berkhidmat kepada-Nya. Sesiapa yang mencintai Allah Subhanahu Wata'ala dia akan berbahagia di alam akhirat, sebaliknya siapa mencintai dunia dan isinya, ketahuilah dunia akan



PUASA Enam adalah salah satu cara untuk mengekalkan momentum ketakwaan yang diperoleh semasa bulan Ramadan, selain membersihkan diri daripada dosa.

meninggalkan kita. Sebagus mana kelazatan dunia tetap tidak kekal. Ia berakhir sebaik sahaja kita menemui ajal. Sebaliknya, kelazatan akhirat kekal abadi tanpa batasan waktu.

Di samping membawa pelbagai keberkatan, Puasa Enam adalah salah satu cara untuk mengekalkan momentum ketakwaan yang diperoleh semasa bulan Ramadan, selain

membersihkan diri daripada dosa serta mengikut sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh itu, marilah kita sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan amalan berpuasa enam pada bulan Syawal ini untuk meraih keberkatan dan meningkatkan lagi pahala serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

Bahagian	Status	Lihat Permohonan
1	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	👁️
2	PROSES PERAKUAN	👁️
3	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	👁️
4	TIDAK HADIR	👁️
5	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	👁️
6	PEMOHON DITERIMA	👁️

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



'Istana Terbuka' pererat hubungan nilai sejagat keharmonian dan kebersamaan

HARI Raya Aidilfitri iaitu hari kemenangan bagi umat Islam yang mengerjakan ibadah puasa di bulan Ramadan dan alhamdulillah pada tahun ini kita sekali lagi berpeluang menikmati hari yang penuh kegembiraan dan kesyukuran ini. Seperti lazimnya dan juga seperti di tahun yang sudah rasa syukur dan nikmat menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini juga turut dikongsi sama oleh pemimpin yang dikasihi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta kerabat diraja yang lain bila mana baginda telah berkenan membuka Istana Nurul Iman dan seterusnya berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah para pembesar negara terdiri daripada Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, para diplomat asing di negara ini, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kanan kerajaan bersama isteri masing-masing. Majlis yang berjalan dengan penuh keharmonian dan kegembiraan itu berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Satu penghormatan berharga

Junjung ziarah di hari pertama Hari Raya Aidilfitri daripada pembesar-pembesar

negara dan duta-duta asing dari luar negara di Istana Nurul Iman sememangnya merupakan satu kenangan manis dan berharga bahkan ia adalah satu penghormatan bagi para pembesar dan diplomat asing yang menetap di negara ini kerana inilah masa untuk mereka berpeluang menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja lainnya seterusnya berpeluang berinteraksi dan beramah mesra bersama para tetamu yang hadir.

Sudah setentunya majlis Istana Terbuka khusus untuk pembesar-pembesar negara dan duta-duta asing dari luar negara ini turut membuka jalan perpaduan dan menghubungkan tali silaturahmi, persahabatan dan persaudaraan tanpa mengira bangsa dan agama bahkan inilah saat yang sering dinanti-nantikan oleh para diplomat asing yang berada di negara ini untuk sama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman bersama pemerintah negara yang amat disanjung dan dihormati seterusnya peluang bersua muka dan merafakkan sembah Selamat Hari Raya Kehadapan Majlis baginda sekeluarga dalam kalangan para diplomat juga perwakilan asing ke negara ini pastinya akan memberikan kenangan dan pengalaman yang manis buat mereka, bahkan merupakan satu pengalaman yang jarang ditemui di negara-negara lain.

Pertemuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan para pembesar negara dengan perwakilan negara sahabat mencerminkan ketulusan baginda menjadikan Sambutan

Hari Raya ini sebagai titian untuk mewujudkan rasa muhibah. Dalam masa yang sama, para pembesar negara dan perwakilan negara-negara sahabat juga berpeluang untuk beramah mesra dengan rakan sejawat yang berada pada majlis berkenaan.

Pada majlis berkenaan, para tetamu turut dihidangkan dengan pelbagai juadah yang enak memeriahkan lagi suasana Sambutan Aidilfitri kali ini selain keindahan lampu-lampu neon dan dekorasi menarik yang menyerikan lagi ruang Istana Nurul Iman.

Peluang berkunjung ke Istana Nurul Iman mengadap dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan kerabat diraja melalui hari kemenangan ini juga merupakan satu kesempatan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh para pembesar negara lebih-lebih lagi para diplomat asing di negara ini yang pertama kali berpeluang merayakan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman dan berinteraksi bersama raja yang dikasihi dan dihormati serta bersua muka secara dekat bersama baginda.

Bagi yang baru pertama kali menghadiri sambutan raya seperti ini tentunya akan dapat merasakan kemeriahan Hari Raya, kemesraan serta melihat sendiri budaya dan tradisi orang-orang Melayu dalam menyantuni tetamu yang datang lebih-lebih lagi ketika berada di Istana Nurul Iman. Cara berpakaian serta juadah yang di hidang sememangnya merupakan perkara baharu yang dilihat dan inilah puncak keindahan serta keramahan orang Brunei.

Erat hubungan diplomatik

Keakraban Kebawah DYMM menyantuni para tetamu baginda dengan raut wajah

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

yang berseri-seri dan penuh senyuman menghulurkan tangan kepada para tetamu akan menjadi ingatan manis dan lipatan sejarah sepanjang mereka berkhidmat di negara ini. Sentimen yang dikongsi menunjukkan nilai sejagat keharmonian dan kebersamaan yang menjadi teras Aidilfitri, sekali gus mengukuhkan hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rakan-rakan antarabangsa. Dengan adanya suasana muhibah ini, ia mampu mengeratkan lagi hubungan dua hala antara NBD dengan negara luar dan berpotensi tinggi untuk meningkatkan lagi hubungan persahabatan yang sedia terjalin terutama daripada segi hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Dengan adanya 'Istana Terbuka' bagi pembesar-pembesar negara dan perwakilan negara-negara sahabat jelas menunjukkan keikhlasan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkongsi rasa syukur dan gembira bersama para tetamu selain sebagai pemimpin yang berkarisma dan berjiwa rakyat dan ini juga bersesuaian dengan konsep negara kita iaitu Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang sentiasa membina kesatuan ikatan yang kuat dan teguh 'raja dan rakyat berpisah tiada'.

Bahkan hubungan keakraban dan kemesraan yang sedia tercipta antara pemimpin negara dan juga para diplomat asing negara-negara sahabat tidak syak lagi telah mengukuhkan hubungan yang sekali gus mengangkat imej sistem beraja yang telah membawa NBD ke mercu kegemilangan.





Usia muda bukan penghalang merealisasikan visi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

DALAM landskap ekonomi yang semakin mencabar, keberanian golongan belia menceburi bidang keusahawanan wajar diberi perhatian.

Ini terbukti apabila tiga adik-beradik berjaya menubuhkan Et Sora Bakehouse, sebuah kafe yang baru beroperasi sejak November 2025 lalu dan kini semakin mendapat tempat di hati masyarakat.

Berasal dari Kampung Rimba, Hajah Nur Syaza Syaquirah (24 tahun), Hajah Nur Syasya Syazirah (22 tahun) dan Hajah Nur Syura Syadirah (21 tahun) menggabungkan latar belakang akademik dalam pengurusan perniagaan dan latihan kulinari profesional bagi merealisasikan impian bersama.

Terletak di Jalan Lebuhraya Tungku, Jalan Jerudong, kafe ini mengangkat konsep pastrri hasil seni kulinari atau buatan tangan (artisan), dengan setiap hidangan dihasilkan secara teliti bagi memastikan rasa, tekstur dan kualitinya sentiasa terpelihara.

Apa yang bermula sebagai minat sejak kecil terhadap dunia makanan dan budaya kafe, akhirnya diterjemahkan menjadi sebuah perniagaan yang berani tampil dengan konsep pastrri moden.

Tiga beradik ini membuktikan bahawa usia muda bukan penghalang untuk memimpin, merancang dan merealisasikan visi. Dengan semangat kekeluargaan sebagai tunjang utama, mereka berdiri sebagai inspirasi kepada generasi muda bahawa kejayaan tidak semestinya menunggu masa yang 'sempurna', sebaliknya bermula dengan keberanian untuk melangkah.

Usaha mereka bukan sahaja membuka peluang perniagaan baharu, malah turut menyediakan ruang pekerjaan kepada belia tempatan dalam bidang kulinari.

Kejayaan awal yang diraih dalam tempoh singkat membuktikan bahawa dengan

perancangan teliti, minat mendalam dan kesungguhan tinggi, golongan muda mampu mencipta peluang sendiri tanpa hanya bergantung kepada sektor pekerjaan tradisional.

Minat terhadap dunia makanan dan budaya kafe sebenarnya telah lama timbul sejak kecil. Menurut mereka, makan di luar bersama keluarga, khususnya mencuba restoran dan kafe baharu, menjadi rutin yang membentuk minat tersebut. Tambahan pula, latar belakang keluarga yang turut terlibat dalam perniagaan makanan dan minuman menyemarakkan lagi kecenderungan mereka terhadap industri berkenaan. Mereka juga sentiasa peka terhadap perkembangan trend F&B di negara ini dan luar negara.

Bagi Hajah Nur Syura Syadirah, minat terhadap *baking* bermula sejak usia kanak-kanak sebelum berkembang menjadi impian perniagaan. Sebelum tertubuhnya kafe, beliau turut memulakan perniagaan dari rumah di bawah jenama 'UwaMunchies' yang memfokuskan kepada pembuatan pastrri. Melalui tempahan dalam talian dan penyertaan dalam acara *pop-up* tempatan, beliau berjaya menimba pengalaman praktikal selain mengumpul modal sebagai persediaan sebelum pelancaran rasmi *bakehouse* tersebut.

Hajah Nur Syaza Syaquirah pula memiliki ijazah dalam Pengurusan Perniagaan dari United Kingdom, manakala Hajah Nur Syasya Syazirah dan Hajah Nur Syura Syadirah mengikuti Diploma Kulinari di Le Cordon Bleu. Gabungan ilmu pengurusan dan kemahiran teknikal inilah yang menjadi asas kukuh kepada penubuhan kafe berkenaan.

Et Sora Bakehouse mula beroperasi pada November tahun lalu, dan kini memasuki bulan kelima operasi. Namun, perancangan sebenarnya telah bermula lebih setahun

sebelumnya.

"Kami mula dengan angan-angan, kemudian perlahan-lahan bertukar menjadi pelan yang lebih konkrit," ujar Syaza.

Namun, siapa sangka pembukaan kafe tersebut terus mendapat perhatian luar jangkaan apabila menjadi tular. Sambutan luar biasa itu membawa cabaran tersendiri.

"Kami sangat bersyukur, tapi pada masa yang sama tidak bersedia sepenuhnya dari segi sumber dan tenaga kerja yang mencukupi untuk mengendalikan operasi kafe dengan lancar. Servis jadi lambat dan keadaan agak kelam-kabut," kata Syasya.

Ketika itu, mereka hanya mempunyai empat orang tenaga kerja, dan jumlah pastrri yang dihasilkan tidak mencukupi walaupun bekerja lebih masa.

Situasi itu menyebabkan ada pelanggan yang pulang dengan hampa. Namun, mereka pantas belajar daripada kesilapan. Kini, operasi lebih teratur dan pengeluaran dipertingkatkan. Malah, pelanggan tetap yang setia sejak hari pertama menjadi sumber semangat terbesar buat mereka.

Setiap hari, proses pembuatan pastrri bermula seawal jam 4.30 pagi. Secara purata, sekitar 20 jenis pastrri dan *baked goods* disediakan, dan menu akan ditukar setiap bulan bagi memberi kelainan kepada pelanggan.

Antara pastrri yang pernah menjadi kegemaran ramai ialah Pandan Kaya Ribbon - sehingga kini pelanggan masih bertanya bilakah ia akan kembali ditawarkan.

Idea produk baharu pula datang daripada pelbagai sumber - daripada angan-angan spontan sehinggalah inspirasi yang disimpan lama dalam senarai idea mereka.

Dari segi kualiti, mereka mengakui ia masih dalam proses penambahbaikan berterusan. Ujian rasa dilakukan secara berkala, tekstur krim diperiksa dan kualiti bahan dipantau rapi bagi memastikan setiap hidangan memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Bagi Syura, cabaran terbesar sebenarnya adalah memastikan setiap resipi benar-benar menepati cita rasa pelanggan. Itulah sebabnya beliau memulakan perniagaan kecil-kecilan terlebih dahulu bagi membina keyakinan sebelum melangkah lebih jauh.

Selain membina jenama sendiri, mereka turut membuka peluang pekerjaan kepada belia tempatan, khususnya lepasan pelajar kulinari dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Kolej Perniagaan Laksamana (LCB). Bagi mereka, memberi ruang kepada bakat muda untuk berkembang adalah sebahagian daripada tanggungjawab sebagai usahawan belia.

Mereka juga berpesan agar golongan muda tidak takut mengambil risiko. Memulakan perniagaan sememangnya tidak menjanjikan kepastian, apatah lagi dalam segmen pastrri Perancis yang bukan pasaran utama di negara ini. Namun, dengan minat yang mendalam dan perancangan rapi, risiko tersebut boleh diurus dengan bijak.

Fokus utama mereka bukan sekadar keuntungan jangka pendek, sebaliknya kelangsungan perniagaan dalam tempoh panjang. Kesetiaan pelanggan menjadi keutamaan melalui pengekaln kualiti produk, layanan mesra serta suasana kafe yang selesa. Setiap pelanggan yang kembali berkunjung dianggap sebagai tanda kepercayaan yang amat dihargai.

Menyentuh mengenai perancangan akan datang pula, mereka mengakui mempunyai impian untuk mengembangkan lagi perniagaan, termasuk membuka ruang makan yang lebih besar serta menambah variasi menu, malah berhasrat suatu hari nanti memiliki kafe dan restoran yang lebih luas.

Orang ramai bolehlah berkunjung ke Et Sora Bakehouse untuk merasakan sendiri pelbagai jenis pastrri selain minuman beraneka yang dihasilkan sendiri. Et Sora Bakehouse juga boleh diikuti melalui laman media sosial @etsorabakehouse.





REPUBLIK INDIA ARAH PELUPUSAN 20,000 UNGGAS DI KERALA SUSULAN PENULARAN SELESEMA BURUNG

Langkah itu adalah sebahagian daripada usaha pembendungan yang dijalankan oleh pegawai di daerah Kozhikode dan Alappuzha yang terjejas akibat selesema burung tersebut.

Laporan menyatakan kira-kira 14,228 unggas di Kozhikode dan 5,961 unggas di Alappuzha akan dilupuskan.

Keputusan itu diambil selepas sampel yang dihantar ke Institut Kebangsaan Penyakit Haiwan Keselamatan Tinggi di Bhopal

mengesahkan kehadiran influenza avian yang sangat patogenik.

Operasi pelupusan yang bermula pada Sabtu akan dijalankan dalam radius satu kilometer dari kawasan yang terjejas oleh pasukan tindak balas pantas yang ditugaskan oleh Jabatan Penternakan Haiwan.

Menurut pegawai, penyakit itu setakat ini hanya dilaporkan dalam kalangan unggas. Bagaimanapun, pihak berkuasa

menggesa orang ramai supaya unggas secara besar-besaran terus berwaspada dan yang luar biasa kepada hospital melaporkan sebarang kematian veterinar terdekat. - ©BERNAMA

NEW DELHI, 21 Mac. - Pihak berkuasa di negeri Kerala, selatan Republik India telah mengarahkan pelupusan lebih 20,000 unggas berikutan penularan influenza avian (biasanya dikenali sebagai selesema burung), menurut laporan media tempatan pada Jumaat, lapor Xinhua.

Banjir di Hawaii cetus operasi menyelamat besar-besaran

ANKARA, 21 Mac. - Lebih 230 orang diselamatkan di Hawaii selepas banjir melanda Pulau Oahu, sekali gus mencetuskan kebimbangan mengenai kemungkinan kegagalan fungsi empangan, lapor Anadolu Ajansi memetik laporan media pada Jumaat.

Hujan lebat mencetuskan apa yang disifatkan pegawai sebagai banjir terburuk di pulau itu dalam tempoh dua dekad, menurut The Guardian.

Pihak berkuasa berkata paras air di sebuah empangan meningkat daripada 24 meter kepada 25.6 meter dalam tempoh kurang 24 jam, hanya 1.8 meter di bawah kapasiti maksimum.

Paras air kemudian dilaporkan semakin surut, namun pegawai memberi amaran keadaan boleh berubah sekiranya hujan terus turun.

Gabenor Hawaii Josh Green berkata tiada kematian dilaporkan dan tiada individu masih hilang. "Kira-kira 10 orang dibawa ke hospital akibat hipotermia," menurut laporan yang memetik beliau.

Datuk Bandar Honolulu Rick Blangiardi berkata kerosakan yang berlaku mungkin serius.

"Tidak syak lagi kerosakan yang berlaku setakat ini adalah bersifat bencana," katanya. Kira-kira 5,500 penduduk diarahkan berpindah, manakala puluhan, malah kemungkinan ratusan rumah rosak.

Beberapa kawasan di Oahu menerima antara 20 hingga 30 sentimeter hujan semalaman.

Pasukan penyelamat menjalankan operasi menyelamat melalui udara dan air, namun operasi menjadi lebih sukar akibat tindakan orang awam menerbangkan dron. - ©BERNAMA

Lapangan Terbang Soekarno-Hatta Republik Indonesia kekal 10 terbaik dunia bagi perkhidmatan imigresen

JAKARTA, 21 Mac. - Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta Republik Indonesia mengekalkan kedudukannya dalam kelompok 10 terbaik dunia bagi perkhidmatan imigresen, mencerminkan peningkatan berterusan dalam kecekapan perkhidmatan serta pengalaman penumpang.

Laporan Skytrax 2026 menunjukkan Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta berada di tangga ke-10 dunia bagi perkhidmatan imigresen, selain berada di kedudukan ke-22 dalam senarai 100 Lapangan Terbang Terbaik Dunia, tempat kelapan dalam kategori Lapangan Terbang Terbaik di Asia serta tempat kedua bagi kategori lapangan terbang yang mengendalikannya 50 juta hingga 60 juta penumpang setahun.

Pemangku Ketua Pengarah Imigresen Yuldi Yusman berkata pencapaian itu mencerminkan pembaharuan dan inovasi berterusan kementerian dalam perkhidmatan imigresen, khususnya di lapangan terbang antarabangsa.

"Ia merupakan pencapaian yang membanggakan apabila kita kekal dalam kedudukan 10 terbaik Skytrax dari tahun lalu hingga tahun ini," katanya, menurut Agensi Berita ANTARA pada Jumaat.

Skytrax, sebuah firma perunding penerbangan berpangkalan di London yang menilai dan menyenaraikan perkhidmatan lapangan terbang di seluruh dunia, mengumumkan Anugerah Lapangan Terbang Dunia 2026 pada 18 Mac.

Yuldi berkata Republik Indonesia menunjukkan kestabilan dalam kualiti perkhidmatan seperti yang dicerminkan melalui penilaian pelanggan dari pelbagai negara, merangkumi aspek masa menunggu, pengoptimuman pintu automatik (*autogate*), ketersediaan laluan keutamaan serta profesionalisme kakitangan. - ©BERNAMA

Kawasan Istana Imperial Jepun dibuka kepada orang ramai sempena musim bunga sakura

TOKYO, 21 Mac. - Bahagian kawasan Istana Imperial di Tokyo yang biasanya dihadkan, dibuka kepada orang ramai pada Sabtu, dengan kira-kira 500 orang beratur seawal pagi untuk melihat bunga sakura.

Laluan itu akan dibuka selama sembilan hari, dengan pokok-pokok dijangka berbunga penuh bermula sekitar Rabu, lapor berita Kyodo yang memetik Agensi Isi Rumah Imperial.

Akses ke Jalan Inui sepanjang kira-kira 750 meter itu dibenarkan dua kali setahun -- semasa musim bunga sakura dan musim luruh.

Tiada pendaftaran awal diperlukan, dengan pelawat dibenarkan bersiar-siar di kawasan itu dari 9 pagi hingga 3.30 petang.

Pembukaan laluan itu kepada orang ramai bermula pada 2014 bagi memperingati ulang tahun ke-80 bekas Maharaja Akihito pada tahun sebelumnya. - ©BERNAMA

merobohkan struktur yang telah dan meneruskan pencarian mereka diperiksa oleh anjing pengesan untuk yang hilang," kata pegawai itu. - menempatkan anggota penyelamat ©BERNAMA

Arab Saudi pintas 51 dron di Wilayah Timur

ISTANBUL, 21 Mac. - Kementerian Pertahanan Arab Saudi pada Sabtu memaklumkan bahawa ia telah memintas dan memusnahkan 51 dron di Wilayah Timur kerajaan itu, ketika negara berkenaan berdepan gelombang serangan udara yang berterusan semalaman, lapor Anadolu Ajansi.

Kementerian itu tidak menyatakan punca dron berkenaan, namun sebelum ini negara itu pernah mengesahkan serangan Republik Islam

Iran yang menyasarkan negara Arab sebagai sebahagian daripada tindak balas Tehran terhadap perang Amerika Syarikat (AS)-Israel ke atas Republik Islam Iran.

Serangan itu berlaku di tengah-tengah peningkatan ketegangan serantau yang lebih luas sejak AS dan Israel melancarkan serangan bersama ke atas Republik Islam Iran pada 28 Februari, yang mengorbankan kira-kira 1,300 orang, termasuk Pemimpin Agung ketika itu,

Ali Khamenei.

Republik Islam Iran telah bertindak balas dengan melancarkan peluru berpandu dan dron menyasarkan aset serta kepentingan Israel dan Amerika Syarikat di seluruh negara Arab. Beberapa serangan berkenaan telah menyebabkan kemalangan jiwa dan kerosakan kepada infrastruktur awam, sekali gus mengundang kecaman daripada negara yang menjadi sasaran. - ©BERNAMA

Pemulihan banjir di Aceh Tamiang hampir 100 peratus, kata Presiden Prabowo

JAKARTA, 21 Mac. - Presiden Republik Indonesia Prabowo Subianto berkata usaha pemulihan di Aceh Tamiang yang dilanda banjir telah mencapai hampir 100 peratus, menandakan kemajuan ketara susulan bencana banjir dan tanah runtuh yang memusnahkan banyak kawasan di daerah itu pada November lepas.

Beliau berkata kemajuan pesat itu mencerminkan penyesuaian berkesan antara pihak berkuasa, sambil menambah bahawa usaha pemulihan masih diteruskan di kawasan lain yang turut terjejas di seluruh negara.

"Tiada lagi penduduk tinggal di

khemah, 100 peratus. Semua telah berpindah dari khemah ke kediaman sementara, dan pembinaan perumahan kekal juga telah bermula".

"Bekalan elektrik hampir pulih sepenuhnya, hampir 100 peratus, dengan hanya lima kampung di seluruh Aceh masih terjejas," katanya seperti dipetik dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Biro Akhbar, Media dan Maklumat Sekretariat Presiden pada Sabtu.

Terdahulu, Prabowo menunaikan Solat Sunat Aidilfitri bersama penduduk di sebuah masjid di kawasan kediaman sementara.

Presiden itu turut berkata bantuan

kerajaan telah diagihkan sepenuhnya kepada komuniti terjejas.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada semua anggota dan agensi yang terlibat, termasuk tentera, polis, pihak berkuasa pengurusan bencana serta kerajaan tempatan, atas tindakan pantas dan komitmen mereka dalam membantu komuniti terjejas.

Banjir di Aceh Tamiang merupakan sebahagian daripada bencana lebih besar yang melanda beberapa wilayah di Sumatera pada November lepas, menyebabkan ribuan penduduk hilang tempat tinggal dan merosakkan infrastruktur utama. - ©BERNAMA

Republik Islam Pakistan komited perkukuh hubungan dengan Republik Rakyat Bangladesh

NEW DELHI, 21 Mac. - Perdana Menteri Republik Islam Pakistan Shehbaz Sharif menegaskan komitmen negaranya untuk memperkukuh hubungan dua hala dengan Republik Rakyat Bangladesh semasa panggilan telefon dengan rakan sejawatnya dari Republik Rakyat Bangladesh, Tariq Rahman.

Kedua-dua pemimpin itu bercakap pada Jumaat dan saling bertukar ucapan selamat Aidilfitri.

Mengingat kembali "hubungan bersejarah, persaudaraan dan

kekeluargaan" antara kedua-dua negara, Shehbaz memberi jaminan kepada Tariq mengenai "komitmen kukuh Pakistan untuk terus memperkukuh kerjasama dua hala dengan Bangladesh dalam semua bidang," menurut hantaran di laman Facebook Perdana Menteri Republik Islam Pakistan itu.

"Kami juga bertukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan situasi di Asia Barat, serta bersetuju mengenai kepentingan dialog dan diplomasi bagi keamanan dan kestabilan," kata

Shehbaz di platform X.

Hubungan antara Republik Islam Pakistan dan Republik Rakyat Bangladesh dilaporkan bertambah baik sejak penggulingan pentadbiran Sheikh Hasina dalam satu pemberontakan rakyat pada Ogos 2024.

Kedua-dua negara sejak itu telah memulihkan semula hubungan perkapalan dan penerbangan terus, sekali gus meningkatkan perdagangan serta hubungan rakyat dengan rakyat. - ©BERNAMA

10 maut, 59 cedera dalam kebakaran kilang alat ganti automotif di Daejeon

DAEJEON, 21 Mac. - Sepuluh orang maut manakala empat lagi dilaporkan masih hilang dalam satu kebakaran besar di sebuah kilang alat ganti kereta di Daejeon, kata pihak berkuasa pada Sabtu. Seramai 59 orang lagi mengalami kecederaan parah atau ringan, menurut agensi berita Yonhap.

Anggota bomba sedang giat mencari empat individu yang tidak dapat dikesan ketika kebakaran bermula. Satu daripada mayat ditemukan di tingkat dua kilang

berkenaan, manakala sembilan lagi ditemukan di tingkat tiga, menurut pihak berkuasa.

Seramai 170 pekerja berada di dalam kilang itu semasa kebakaran dilaporkan berlaku kira-kira 1.17 tengah hari pada Jumaat.

Anggota bomba sebelum ini tidak dapat memasuki struktur bangunan tersebut berikutan kebimbangan ia mungkin runtuh. Usaha memadam kebakaran turut menjadi sukar disebabkan terdapat 200 kilogram natrium di dalam bangunan itu yang

boleh meletup jika tidak dikendalikan dengan betul.

Pihak berkuasa berkata mereka memulakan operasi mencari semalaman pada 10.50 malam Jumaat selepas pakar mengesahkan bangunan itu selamat untuk dimasuki anggota bomba.

Seorang pegawai pihak berkuasa berkata anggota bomba merancang untuk berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan mereka yang masih belum dikenal pasti.

"Kami merancang untuk

BENIN RAIKAN HARI TAIJIQUAN ANTARABANGSA PERTAMA DENGAN DEMONSTRASI, AKTIVITI PENGENALAN



GODOMEY, Benin, 22 Mac. - Demonstrasi dan aktiviti pengenalan telah diadakan pada hari Sabtu di Godomey, kira-kira 30 kilometer dari Cotonou, ibu kota ekonomi Benin, untuk menandakan sambutan pertama Hari Taijiquan Antarabangsa di negara itu.

Acara ini dimulakan oleh Pusat

PARA peminat melakukan Taijiquan untuk meraikan Hari Taijiquan Antarabangsa yang pertama, 21 Mac 2026.

Kebudayaan Cina di Benin dan dianjurkan oleh pasukan Wushunya, dengan sokongan daripada Persatuan Wushu Beninese. Menggabungkan demonstrasi, sesi pengajaran dan pengalaman interaktif, ia menarik lebih daripada 100 peserta, termasuk penduduk tempatan dan pelajar dari Institut Confucius di Universiti Abomey-Calavi.

Melalui pergerakan tersebut, para peserta mengalami keseimbangan antara kelembutan dan kekuatan, meneroka falsafah keharmonian, dan memperoleh penghargaan yang lebih mendalam terhadap daya tarikan unik budaya Cina.

"Sambutan Hari Taijiquan Antarabangsa bertujuan, antara lain, untuk mempromosikan

amalan Taijiquan, meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat Benin tentang manfaat kesihatannya, memupuk pertukaran budaya, dan mengukuhkan hubungan dua hala antara Benin dan China," kata Fabrice Noudoufinin, duta untuk promosi Wushu Sino-Benin, kepada Xinhua.

Selama hampir dua jam, pengamal Benin memperkenalkan Taijiquan kepada orang ramai melalui pergerakan yang perlahan dan lancar, senaman qigong, teknik pernafasan dan latihan berkumpulan, sambil mengetengahkan manfaat terapeutik seni mempertahankan diri Cina ini, yang disenaraikan sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO. - ©XINHUA

Lebih 5,500 dipindahkan susulan Hawaii hadapi banjir terburuk dalam tempoh lebih 20 tahun

LOS ANGELES, 22 Mac. - Lebih 5,500 orang telah dipindahkan selepas pulau Oahu di Hawaii mengalami banjir terburuk dalam tempoh lebih 20 tahun, menurut pihak berkuasa pada Sabtu, lapor Xinhua.

Hujan lebat dan ribut petir akan berterusan di negeri Amerika Syarikat (AS) tersebut pada Sabtu, sekali gus memberikan risiko kepada Oahu dan Daerah Maui, lapor pegawai tempatan. Gabenor Hawaii Josh Green menerusi satu video di X berkata lebih banyak hujan dijangka berlaku sepanjang hujung minggu ini.

"Ribut ini akan membawa tambahan empat hingga enam inci hujan di Oahu sepanjang hujung minggu ini, tetapi ia kini bergerak ke

Maui, yang kami menjangkakan antara empat hingga lapan inci dan mencecah 10 hingga 12 inci di beberapa kawasan," kata Green.

"Setakat ini tiada kehilangan nyawa dilaporkan. Terdapat beberapa kecederaan serius. Namun, jangan ambil ringan terhadap ribut ini," katanya.

Gabenor itu menarik perhatian bahawa keadaan kekal berbahaya kerana tanah sudah tepu dengan air, yang bermaksud hujan dalam jumlah yang sedikit sudah cukup untuk mencetuskan banjir, penutupan jalan dan kerosakan. Beliau memberitahu media pada Jumaat bahawa kos akibat ribut itu boleh melebihi US\$1 bilion dalam anggaran kerosakan harta benda peribadi dan awam.

Sambil mengesahkan bahawa

lebih 230 orang telah diselamatkan semasa ribut itu, pihak berkuasa memberi amaran bahawa sebuah empangan berusia 120 tahun mungkin pecah.

Pihak berkuasa mengarahkan penduduk pada Jumaat untuk meninggalkan kawasan di hilir empangan Wahiawa, sebuah empangan berusia 120 tahun di Oahu, dengan memberi amaran bahawa ia "berisiko untuk pecah pada bila-bila masa".

Lebih 200 anggota Pengawal Kebangsaan telah diaktifkan semasa ribut itu untuk membantu dalam operasi menyelamat, penutupan jalan, pemeriksaan dari rumah ke rumah dan keperluan keselamatan awam yang lain, menurut Green. - ©BERNAMA

Beberapa individu terperangkap dalam insiden bangunan runtuh di tengah Istanbul

ISTANBUL, 22 Mac. - Beberapa individu dilaporkan terperangkap di bawah runtuhan sebuah bangunan di tengah Istanbul pada Ahad, lapor Xinhua memetik penyiar tempatan NTV.

Menurut NTV, kejadian berlaku di

daerah Fatih di bahagian Eropah bandar itu. Rakaman langsung dari lokasi kejadian menunjukkan sejumlah anggota bomba, pasukan perubatan dan unit polis telah dikerahkan, manakala usaha menyelamat mangsa yang terperangkap masih

dijalankan.

Jumlah sebenar individu yang masih berada di bawah runtuhan masih belum dapat dipastikan. Setakat ini, dua individu telah diselamatkan dan dikejarkan ke hospital berhampiran, menurut NTV. - ©BERNAMA

12 terkorban, puluhan cedera apabila bas bertembung tren di tenggara Republik Rakyat Bangladesh

DHAKA, 22 Mac. - Sekurang-kurangnya 12 orang maut manakala 26 lagi cedera dalam perlanggaran antara bas dan kereta api di daerah Comilla di tenggara Republik Rakyat Bangladesh awal pagi Ahad, menurut pegawai perkhidmatan bomba dan polis, lapor Anadolu Ajansi.

Mangsa yang maut termasuk dua wanita dan tiga kanak-kanak, kata Timbalan Penolong Pengarah Perkhidmatan Bomba dan Pertahanan Awam (Comilla), Mohammad Idris kepada Anadolu, dengan 10 daripada mangsa cedera masih dirawat di hospital.

Kereta api menuju ke Dhaka

yang berlepas dari bandar pelabuhan Chittagong bertembung dengan sebuah bas yang dalam perjalanan ke arah Chittagong dari daerah Chapainawabganj di barat, di lintasan rel Paduar Bazar di bandar Comilla.

Kereta api itu menyeret bas berkenaan sejauh satu kilometer.

Idris berkata, "Kami percaya kemalangan itu berlaku apabila bas memasuki landasan kereta api akibat ketiadaan isyarat di lintasan rel Paduar Bazar".

Bangladesh Railway menubuhkan dua jawatankuasa siasatan bagi menyiasat kemalangan itu dan menggantung

dua penjaga lintasan rel, menurut laporan media tempatan.

Republik Rakyat Bangladesh lazimnya menyaksikan kesesakan besar di stesen kereta api, bas dan terminal feri, khususnya di Dhaka, apabila orang ramai pulang ke kampung untuk bercuti sempena Aidilfitri bersama keluarga dan saudara-mara, sekali gus memberi tekanan kepada sistem pengangkutan yang rapuh.

Pada 18 Mac, kira-kira 66 orang cedera apabila kereta api Nilsagar Express, laluan utama di utara Bengal, tergelincir di kawasan Bagbaria di daerah Bogra. - ©BERNAMA

Kapal selam berkuasa nuklear Britain dilaporkan tiba di Laut Arab

LONDON, 22 Mac. - Sebuah kapal selam berkuasa nuklear milik Tentera Laut Diraja Britain telah tiba di Laut Arab dan mampu melancarkan serangan peluru berpandu jelajah ke atas Republik Islam Iran, menurut media Britain pada Sabtu memetik sumber tentera, lapor Xinhua.

Kapal selam berkenaan, HMS Anson, dilengkapi peluru berpandu serangan darat Tomahawk Block IV serta torpedo berat Spearfish, dan dipercayai berada di perairan dalam utara Laut Arab, menurut Daily Mail.

Ini bermakna tentera Britain mempunyai keupayaan untuk melancarkan serangan ke atas Republik Islam Iran sekiranya konflik semakin memuncak.

Jika mendapat kebenaran perdana menteri, laporan itu menyatakan HMS Anson akan diarahkan untuk melancarkan serangan dan akan naik hampir ke permukaan bagi melepaskan empat peluru berpandu.

Britain pada Jumaat bersetuju membenarkan Amerika Syarikat (AS) menggunakan pangkalan ketenteraannya bagi melaksanakan "operasi untuk melemahkan tapak peluru berpandu dan keupayaan yang digunakan untuk menyerang kapal di Selat Hormuz", sambil menegaskan komitmen untuk "tidak terlibat dalam konflik yang lebih luas". - ©BERNAMA

Gempa bumi 6.2 magnitud landa 102km timur laut Hihifo, Tonga - USGS

HONG KONG, 22 Mac. - Gempa bumi berukuran 6.2 magnitud menggempakan kawasan 102 kilometer (km) di timur laut Hihifo, Tonga pada 06.15 GMT pada Ahad, menurut Tinjauan Geologi Amerika Syarikat (AS), lapor Xinhua.

Pusat gempa, dengan kedalaman 10.0km, pada mulanya dikesan berada pada 15.38 darjah latitud selatan dan 173.05 darjah longitud barat. - ©BERNAMA

44 rakyat Ghana diselamatkan daripada agensi pengambilan pekerja palsu

ACCRA (GHANA), 22 Mac. - Seramai 44 rakyat Ghana diselamatkan oleh pasukan keselamatan Ghana dan Nigeria daripada kumpulan jenayah yang menyamar sebagai agensi pengambilan pekerja, menurut Kementerian Luar Ghana pada Sabtu, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Kementerian itu, agensi pengambilan pekerja palsu berkenaan menggunakan media sosial dan saluran pengambilan tidak rasmi lain dengan menawarkan janji palsu mengenai peluang pekerjaan serta perjalanan.

Bagaimanapun, sebaik tiba, mereka dikenakan keadaan eksploitasi termasuk pergerakan yang disekat, paksaan psikologi serta tekanan untuk merekrut individu lain menyertai skim itu.

"Susulan operasi terselaras yang dijalankan pada 16 Mac oleh pihak berkuasa keselamatan Nigeria, termasuk Jabatan Perkhidmatan Negara, dengan kerjasama institusi berkaitan Ghana, mangsa tiba di Accra pada Jumaat, 20 Mac," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA



O'SULLIVAN BERJAYA MENGATASI TEKANAN DI SAAT AKHIR

NANCHANG, 22 Mac. - Ronnie O'Sullivan menewaskan atlet snuker dari Republik Rakyat China, Wu Yize dengan keputusan 6 - 5 dalam separuh akhir yang mendebarakan pada kejohanan 2026 Yushan Snooker Open pada Sabtu, sekali gus menempah tempat ke final menentang pemain Thailand, Thepchaiya Un-Nooh, yang mengejutkan pemain nombor satu dunia, Judd Trump dengan keputusan 6 - 4.

Dalam perlawanan separuh akhir sesi petang, juara dunia tujuh kali, Ronnie O'Sullivan memulakan aksi dengan cemerlang apabila mendahului 2 - 0 menerusi pukulan kemenangan frame 77 dan 86. Wu Yize bangkit menyamakan kedudukan 3 - 3, namun O'Sullivan menghasilkan satu-satunya 'century break' dalam perlawanan itu, iaitu 118, untuk mendahului 5 - 4. Pemain Republik Rakyat China berusia 22

tahun itu menunjukkan ketenangan tinggi untuk mengheret perlawanan ke penentuan, tetapi O'Sullivan yang berusia 50 tahun berjaya mengekalkan fokus untuk menutup kemenangan 89 - 43.

Sesi malam pula menyaksikan kejutan terbesar kejohanan apabila Un-Nooh mempamerkan aksi cemerlang dengan menghasilkan tiga 'century break', 128, 134 dan 134 untuk menyingkirkan Trump dan melayakkan diri ke final.

Bercakap selepas perlawanan, Ronnie O'Sullivan mengakui lega dapat melepasi perlawanan sengit tersebut. "Bagi saya, setiap perlawanan saya menikmati menjadi pemain snuker. Itu sudah satu kemenangan," katanya.

"Dia (Wu) bermain dengan baik di bawah tekanan. Dia akan berada dalam sukan ini lebih lama daripada saya".

O'Sullivan turut mendedahkan

bahawa beliau telah membina semula permainannya sepanjang tiga minggu lalu selepas mengalami kemerosotan prestasi yang berpanjangan. "Saya terpaksa menerima bahawa saya perlu merombak permainan saya, mempelajarinya semula dan melatih diri sendiri. Dua minggu pertama ada yang baik, ada yang kurang, tetapi tiba-tiba sesuatu berubah. Saya bermain dengan baik sejak enam atau tujuh hari lalu, walaupun saya tidak pasti sama ada dapat mengekalkannya".

Beliau juga berkata prestasi snukernya yang semakin baik menyebabkan rancangan untuk beralih kepada biliard Republik Rakyat China ditangguhkan. "Selagi saya masih menikmati snuker, itu akan menjadi keutamaan".

Ronnie O'Sullivan akan berdepan dengan Thepchaiya dalam perlawanan akhir format



RONNIE O'Sullivan (kanan) berkomunikasi dengan Wu Yize selepas separuh akhir di Terbuka Dunia Snuker 2026 di Shangrao, wilayah Jiangxi, timur Republik Rakyat China, 21 Mac 2026.

terbaik daripada 19 frame pada ranking utama pertamanya sejak Ahad, yang merupakan final 2018. - ©XINHUA

Moto3 : Hakim Danish sambar petak ketiga GP Brazil

KUALA LUMPUR, 22 Mac. - Pelumba Moto3 negara, Muhammad Hakim Danish Ramli mempamerkan tunggangan memberangsangkan pada sesi kelayakan Grand Prix (GP) Brazil untuk menyambar petak ketiga pada perlumbaan utama hari ini.

Pelumba AEON Credit-MT Helmets-MSi itu merekodkan masa 1 minit 26.448 saat (s) pada sesi kelayakan dua (Q2) di Litar Autodromo Internacional de Goiania.

Pelumba LevelUp MTA Joel Esteban dari Sepanyol, muncul pelumba terpantas

dan akan bermula dari petak utama selepas mencatat 1:26.241s.

Wakil Red Bull KTM Tech3 dari Argentina, Valentin Perrone pula berada di tempat kedua pada sesi kelayakan dengan 1:26.447s.

Keputusan tersebut menyaksikan Hakim Danish memiliki peluang menaiki podium sulong musim ini selepas memulakan saingan 2026 dengan menamatkan perlumbaan di GP Thailand di kedudukan ke-18, awal bulan ini. - ©BERNAMA

Azeem bantu kuartet 4X100 Auburn raih emas di Yellow Jacket Invitational

KUALA LUMPUR, 22 Mac. - Pelari pecut negara, Muhammad Azeem Mohd. Fahmi berjaya membantu kuartet 4x100 meter (m) Universiti Auburn meraih emas di Kejohanan Yellow Jacket Invitational di Atlanta, Amerika Syarikat (AS) hari ini. (Sabtu waktu AS).

Muhammad Azeem bersama-sama Alejandro Cardenas, Ian Myers dan Tyler Davis menamatkan perlumbaan dengan catatan masa 39.75 saat (s) untuk berada di kedudukan pertama.

Tempat kedua acara itu dimenangi kuartet

Universiti Lipscomb yang dibarisi Emery Eckert, Joel Nimoh, Wessel Vandernest, Justin Davis dengan catatan masa 41.93s.

Tiada pemenang ketiga direkodkan bagi acara itu selepas baki lima pasukan yang mengambil bahagian acara itu diklasifikasikan sebagai tidak menamatkan perlumbaan (DNF) dan tidak memulakan saingan (DNS).

Untuk rekod ini merupakan pingat kedua Muhammad Azeem di kejohanan itu selepas berjaya meraih perak dalam acara 100m semalam. - ©BERNAMA

Sukan Komanwel 2026 : Amir Daniel idam lakar sejarah lagi di Glasgow

KUALA LUMPUR, 22 Mac. - Selepas melakar sejarah sebagai atlet judo pertama negara meraih pingat di Sukan Komanwel pada edisi Birmingham 2022, Amir Daniel Abdul Majeed kini meletakkan sasaran lebih berani bagi edisi seterusnya di Glasgow, Scotland.

Amir Daniel yang menyumbang gangsa kategori 73 kilogram (kg) lelaki di Birmingham, nekad mahu melakar sejarah baharu sukan negara dengan menukar warna pingat tersebut kepada emas pada temasya sukan empat tahun sekali itu yang dijadualkan berlangsung dari 23 Julai hingga 2 Ogos ini.

Atlet kelahiran Pulau Pinang itu, yang beralih ke kategori 81kg lelaki sejak dua tahun lepas, menyifatkan misinya ke Glasgow adalah kesinambungan momentum kejayaan selepas menamatkan penantian 44 tahun negara meraih emas judo pada Sukan SEA Thailand 2025.

Biarpun dihimpit kecederaan meniskus dan *medial collateral ligament* (MCL) pada kaki kiri sekembalinya dari Thailand, semangat atlet berusia 21 tahun itu tidak pernah luntur malah menegaskan proses pemulihannya berada di landasan positif.

"Saya boleh katakan ketika ini

keadaan saya jauh lebih baik berbanding bulan lepas. Saya masih dalam proses pemulihan tetapi baru-baru ini saya sudah mula melakukan sesi *sparring*.

"Saya tidak berasa bimbang dengan kecederaan kerana ia sebahagian daripada kehidupan seorang atlet, yang penting ialah bagaimana kita menyesuaikan diri dengannya," katanya kepada Bernama.

Bagaimanapun, Amir Daniel sedar laluan ke puncak podium di Glasgow bukan tugas mudah, terutamanya dengan kelibat jaguh dari Kanada Francois Gauthier-Drapeau yang kini

menghuni ranking kelima dunia bagi kategori 81kg lelaki.

Mengenai penampilan keduanya pada Sukan Komanwel nanti, mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) itu mengakui teruja untuk kembali merasai suasana kompetitif tahap tinggi seperti mana pengalamannya di Birmingham.

"Saya harap dapat pengalaman serupa seperti di Birmingham nanti di Glasgow. Sewaktu di Birmingham, perkampungan atlet sangat baik, semua jenis peralatan dan kemudahan ada, selain venue dan makanan juga bertaraf terbaik," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengakui

memerlukan dua hingga tiga kejohanan antarabangsa bagi membantunya membuat persiapan lebih mantap menjelang Sukan Komanwel 2026.

Sehubungan itu, beliau sedang merancang untuk menyertai sebuah kejohanan di Republik Sosialis Viet Nam, Mei ini selain kejohanandi Eropah pada Julai depan sebelum berjuang di Glasgow.

Amir Daniel berkata beliau juga akan berlatih bersama beberapa atlet judo dari Jepun di Pulau Pinang bagi menguatkan tahap fizikal dan kekuatan diri. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI MENGIKUT AJARAN ISLAM, PENUH KESEDERHANAAN